# UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
# (KELANTAN)

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
FAUZI BIN MARZUKI
KOMPOSER TERKENAL TEMPATAN
MENGENAI PENGALAMAN & PENGLIBATAN BELIAU
DALAM BIDANG PENGGUBAHAN LAGU

OLEH:


| | |
|---|---|
| HIBATIN WAFIRAH BINTI CHE RAHIM | 2021393285 |
| NUR HAYATUN SHAHIDA BINTI NORIZAN | 2021196639 |


PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (MAC 2022 – OGOS 2022)

# TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
# FAUZI BIN MARZUKI
# KOMPOSER TERKENAL TEMPATAN
# MENGENAI PENGALAMAN & PENGLIBATAN BELIAU
# DALAM BIDANG PENGGUBAHAN LAGU

OLEH:


| | |
|---|---|
| HIBATIN WAFIRAH BINTI CHE RAHIM | 2021393285 |
| NUR HAYATUN SHAHIDA BINTI NORIZAN | 2021196639 |


PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (MAC 2022 – OGOS 2022)

# PENGHARGAAN

# PENGHARGAAN

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Illahi dengan limpahan rahmat dan kurniaannya kerana memberi kami kekuatan untuk melengkapkan tugasan temu bual untuk subjek **Pendokumentasian Sejarah Lisan (IMR604)** dengan jayanya. Sebagai persediaan tugasan, kami ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pensyarah kami, **Pn. Nurulannisa Binti Abdullah** kerana memberi kami garis panduan dan penjelasan yang baik untuk tugasan ini sehingga kami mampu melengkapkan tugasan ini dengan jayanya. Kami juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada rakan sekelas yang secara langsung dan tidak langsung membimbing kami dalam melakukan menyiapkan tugasan ini. Melalui cadangan serta komen yang berharga pada tugasan ini telah memberikan inspirasi kepada kami untuk meningkatkan kualiti tugasan ini. Terima kasih.

# ABSTRAK

# ABSTRAK

***Abstrak:*** *Temubual ini dilakukan bersama seorang komposer, penulis lirik dan penerbit rakaman Malaysia yang terkenal iaitu Fauzi Marzuki untuk mengetahui tentang perkhidmatan beliau dalam kerjayanya sebagai seorang komposer, penulis lirik dan penerbit rakaman di Malaysia. Temubual ini telah dijalankan melalui platform Google Meet. Tarikh temubual tersebut adalah pada 25 Jun 2022 bermula pada jam 11.00 pagi hingga 1.00 petang. Fauzi Marzuki dilahirkan pada 21 September 1955 di Kampung Tawas, Ipoh, Perak. Beliau merupakan pemain gitar bagi kumpulan dari Malaysia, Discovery. Fauzi Marzuki mula bekerja sebagai seorang pemain gitar sekitar tahun 1975-1978. Selain itu, beliau telah bekerja sebagai pembantu studio di sebuah studio analog di Kuala Lumpur pada tahun 1980 hingga 1982. Semasa fasa tersebut, Fauzi menggubah dan menghasilkan lagu-lagu untuk pelbagai penyanyi terkenal Malaysia seperti Sharifah Aini, Sudirman, Anita Sarawak, Sheila Majid dan banyak lagi. Seterusnya, beliau telah memenangi 5 anugerah gubahan lagu di pertandingan televisyen Malaysia seperti Juara Lagu dan Pujaan 10 Nescafe pada tahun 1992, beliau menerima Anugerah Nadi Cipta daripada Badan Hakcipta Karyawan Malaysia (MACP) pada tahun 2005 dan beliau menerima Anugerah Wirama di Anugerah Industri Muzik pada tahun 2008. Anugerah itu diberi atas sumbangan beliau dalam industri musik Malaysia. Melalui temubual ini, kami dapat mengetahui banyak perkara tentang beliau seperti latar belakang, kerjaya, cabaran telah dihadapi oleh beliau dalam kerjayanya sebagai seorang komposer, penulis lirik dan penerbit rakaman di Malaysia dan lain-lain lagi. Sejarah kehidupan dan kerjaya beliau dapat dijadikan sumber inspirasi kepada semua orang.*

***Kata kunci:*** *Anugerah, Discovery, Komposer, Rakaman, Temu bual*

# ISI KANDUNGAN

# ISI KANDUNGAN


| TAJUK | MUKA SURAT |
|---|---|
| Penghargaan | i |
| Abstrak | ii |
| Isi Kandungan | iii |
| Biodata Tokoh | iv |
| Pengenalan | v |
| Transkrip | |
| Bahagian 1: Latar Belakang Tokoh | 01 |
| Bahagian 2: Sejarah Pendidikan Tokoh | 06 |
| Bahagian 3: Pengalaman Kerjaya Tokoh | 10 |
| Bahagian 4: Pengcapaian Tokoh | 29 |
| Bahagian 5: Sumbangan Tokoh | 32 |
| Bahagian 6: Cabaran | 35 |
| Bahagian 7: Harapan dan Pesanan Tokoh | 41 |
| Log Temubual | 43 |
| Lampiran | |
| Soalan Temubual 1 | 46 |
| Soalan Temubual 2 | 47 |
| Soalan Temubual 3 | 48 |
| Soalan Temubual 4 | 49 |
| Diari Kajian | 50 |
| Surat Pengesahan Projek | 51 |
| Perjanjian Sejarah Lisan | 52 |
| Sesi Temubual | 53 |
| Indeks | |

# BIODATA TOKOH

# BIODATA TOKOH




Fauzi Marzuki

| | | |
|---|---|---|
| **Nama** | : | Fauzi Bin Marzuki |
| **Nama Samaran** | : | Fauzi Marzuki |
| **Tarikh Lahir** | : | 21 September 1955 |
| **Alamat** | : | Kampung Tawas, Ipoh, Perak |
| **Emel** | : | fauzimarzukipro@gmail.com |
| **Profesion** | : | Komposer |
| **Bidang** | : | Musik |

# PENGENALAN

# PENGENALAN

Perkara ataupun isu utama yang difokuskan dalam kajian ini adalah berkaitan industri kreatif tanah air. Industri kreatif ialah industri-industri yang melibatkan kreativiti individu, keterampilan, dan bakat yang mempunyai potensi menjana kekayaan serta penciptaan peluang pekerjaan melalui penggalakan dan eksploitasi harta intelek. Dengan kata lain, industri kreatif merujuk kepada seni untuk ekonomi yang melibatkan individu-individu berbakat, pihak korporat dan seterusnya memberi implikasi kepada negara dari segi pendapatan dan imej negara.

Antara cabang industri kreatif ialah industri kreatif multimedia seperti seni reka dan industri kreatif seni budaya seperti seni muzik. Penggiat seni yang akan difokuskan didalam kajian ini adalah komposer atau pencipta lagu yang tergolong dibawah industri kreatif seni budaya. Secara umum, seseorang komposer sekurang-kurangnya haruslah boleh bermain instrumen seperti piano atau gitar dan mempunyai cita rasa muzik. Bagaimanapun ini perlu disemai sepanjang waktu dan hanya boleh dikecapi dengan mendengar muzik dari era lama hingga sekarang. Selain itu, perlu juga mengetahui sedikit sejarah muzik untuk mengembangkan cita rasa sendiri dan mengetahui apa yang sedang hangat serta cara-cara untuk lebih berinovasi.

Terdapat ramai tokoh komposer yang terkenal di Malaysia. Kesemua tokoh tersebut mempunyai banyak pengalaman serta pengetahuan yang luas mengenai seni penggubahan lagu. Fauzi Marzuki, komposer legenda tanah air merupakan tokoh yang tepat untuk ditemu bual kerana pencapaian luar biasa dan berbagai-bagai anugerah yang telah diperolehi beliau. Oleh yang demikian, kajian ini dijalankan untuk mengetahui dengan lebih mendalam mengenai seni penggubahan lagu seperti cabaran di hadapi dan sebagainya daripada seorang tokoh yang cukup berpengalaman yang mana beliau berasal daripada Perak, Malaysia.

# TRANSKRIP

# TRANSKRIP

Rakaman ini berkisah tentang temubual sejarah lisan mengenai **latar belakang** dan **pengalaman hidup** seorang **tokoh seniman veteran** tanah air iaitu **Encik Fauzi Marzuki** yang merupakan seorang komposer tanah air yang terkenal. Rakaman ini dijalankan pada tarikh 25 Jun 2022 bersamaan dengan hari Sabtu pada pukul 11 pagi secara atas talian melalui aplikasi Google Meet. Temubual ini dikendalikan oleh Nur Hayatun Shahida Binti Norizan dan Hibatin Wafirah Binti Che Rahim. Berikut adalah hasil rakaman.

**Petunjuk:**

FM : Fauzi Marzuki
NHS : Nur Hayatun Shahida
HW : Hibatin Wafirah

## BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG TOKOH

**HW : Sebelum kita mulakan, saya nak maklum beberapa perkara. Pertama, *interview* [temu bual] ni [ini] akan di *record* [rakam] bermula soalan pertama hingga soalan terakhir.**

FM : Okey.

**HW : Dan yang kedua, encik boleh minta nak berhenti sekejap kalau encik nak. Jadi kami akan edit bahagian tu nanti.**

FM : Okey, boleh.

**HW : Yang ketiga, *interview* [temubual] ni [ini] perlu sekurang-kurangnya dua jam. Jadi kami harap encik boleh jawab secara santai dan perlahan-lahan.**

FM : Insha'Allah apa yang boleh saya jawab, saya jawab.

**HW : Okey, kalau tak ada apa-apa, kita boleh mulakan *interview* [temubual] ni [ini]. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim --- Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera. Berikut adalah merupakan temubual sejarah lisan mengenai latar belakang dan pengalaman hidup seorang tokoh seniman veteran tanah air. Bersama- sama kami ialah Encik Fauzi Marzuki yang merupakan seorang komposer tanah air yang terkenal. Rakaman ini dijalankan pada tarikh dua puluh lima jun dua ribu dua puluh dua (25 Jun 2022) bersamaan dengan hari Sabtu pada pukul sebelas pagi secara atas talian melalui aplikasi Google Meet. Temubual ini dikendalikan oleh Nur Hayatun Shahida Binti Norizan dan Hibatin Wafirah Binti Che Rahim. Dengan segala hormatnya temubual ini dimulakan --- Shahida, silakan.**

**NHS : Soalan yang pertama, apakah nama penuh encik?**

FM : Okey, nama penuh saya Fauzi Bin Marzuki.

**NHS : Berapakah usia encik pada tahun ini?**

FM : Tahun ni [ini] saya enam puluh tujuh tahun (67 tahun). Saya lahir tahun 1955.

**NHS : Apakah nama gelaran yang dipanggil oleh keluarga atau kawan-kawan encik?**

FM : Fauzi je [sahaja], tak [tidak] ada apa-apa gelaran.

**NHS : Di negeri manakah encik dilahirkan?**

FM : Saya dilahirkan di Ipoh Perak tapi [tetapi] saya dibesarkan dan bersekolah di Kuala Lumpur. Saya sekolah di Sekolah Aminuddin Baki -- Sekolah Rendah Jalan Pasar. Kemudian saya masuk sekolah Aminuddin Baki selepas SPM [Sijil Pelajaran Malaysia] saya masuk Alam Shah, seminggu.

**NHS : Encik merupakan anak yang ke berapa?**

FM : Saya anak yang sulung.

**NHS : Soalan seterusnya, apakah nama ibu bapa encik?**

FM : Okey, ayah saya, nama dia Marzuki Bin Yusop. Yusop is Y-U-S-O-P. Ibu saya Hamisah Binti Lotan. H-A-M-I-S-A-H Binti Lotan, L-O-T-A-N. Okay, dia--ibu saya masih hidup lagi, umur lebih kurang lapan puluh (80), lapan puluh tujuh (87) macam tu [itu].

**NHS : Dari manakah ibu bapa encik berasal?**

FM : Bapa saya berasal dari negeri Sembilan. Ibu saya berasal dari Perak, Ipoh. Tapi kalau ikut usul asal daripada datuk-datuk, moyang-moyang semua kemungkinan mereka ni [ini] semua datang daripada -- bahagian bapak Minagkabau so [jadi] kemungkinan datang daripada Sumatra dan ibu juga datang daripada Sumatra dan telah -- bapak mereka datang ke Malaysia dan bermastautin di Malaysia lah. *So* [jadi], sampailah sekarang.

**NHS : Soalan seterusnya, adakah ibubapa encik juga terlibat sama didalam industri seni?**

FM : Tidak. Ibu ba-bapa saya seorang pemandu lori dan ibu saya seorang suri rumah sepenuh masa dan saya bertekad tidak, tidak mahu mengikut jejak langkah mereka, dan saya mahu apa yang saya mahu. *Yeah* [ya].

**NHS : Encik mempunyai berapa orang anak?**

FM : Saya mempunyai tiga orang anak. Dua perempuan satu lelaki. Semuanya sudah habis bersekolah. Yang pertama, belajar (berdehem), pernah belajar di Aswara sebagai bahagian vocal. Yang kedua sedang mengambil ijazah *Business Management* [pengurusan perniagaan] di UniKL [Universiti Kuala Lumpur]. Yang ketiga baru habis SPM [Sijil Pelajaran Malaysia], belum tahu lagi apa cabang yang nak dilalui dia. Seorang sajalah yang mengikut jejak saya, yang nombor satu. Yang lain tu [itu], masing-masing.

**NHS : Di usia, di usia berapakah encik dikurniakan anak yang pertama?**

FM : Saya ingat di usia yang ke tiga puluh sembilan (39), ataupun 40. Saya pun dah lupa. Tapi saya rasa 39 anak yang pertama, saya dapat nak yang pertama. Nama dia Nur Nadia Asyikin. Seorang yang bagus menyanyi dan anak yang kedua 5 tahun selepas itu, dan anak yang ketiga 5 tahun selepas anak yang kedua. So setiap anak 5 tahun. Teruskan.

**NHS : Adakah terdapat diantara anak encik yang juga bergiat aktif dalam bidang seni?**

FM : Saya dah [sudah] cakap tadi, anak yang pertama sahaja. Itupun, buat masa sekarang ni [ini] beliau tidak aktif dalam bidang muzik. Dia bekerja sebagai, pengurus di sebuah syarikat atas talian dan rasanya beliau *happy* [gembira] dengan apa yang beliau buat. Jadi saya tidak melarang ataupun tidak memaksa yang dia nak buat, apa yang dia rasa sesuai, teruskan dan kalau, tentunya kalau beliau dapat menyambung bakat saya atau legasi saya, saya juga bersetuju. Tapi nampaknya itu tidak menjadi kenyataan, jadi mereka buatlah apa yang mereka nak buat. Tugas saya menghantar mereka ke sekolah, melengkapkan diri masing-masing dan selepas itu, saya memberikan kebebasan kepada untuk membuat apa yang mereka suka, sebagaimana apa yang saya suka, saya buat apa yang saya suka. *Yeah* [ya]. Teruskan.

**NHS : Adakah encik mempunyai cucu?**

FM : Baru ada satu (1) cucu, anak yang pertama sudah mendapat 1 anak, jadi saya dapat 1 cucu lelaki dan mereka berkahwin pada zaman covid-19 -- 2020 rasanya, 2021, 2021. *Yeah* [ya].

**NHS : Apakah hobi encik pada masa lapang?**

FM : Saya -- hobi saya mendengar muzik dan jugak membawa kapal terbang, *yeah* [ya]. Hobi saya hobi yang jarang-jarang orang buat, jarang orang suka sebab ia

melibatkan banyak matematik dan kalau mereka yang tidak berminat dengan matematik, mereka tidak akan suka hobi yang saya suka. Ada orang suka main golf, ada orang suka main badminton, ada orang suka main bola, saya suka bawak kapal terbang. *Yeah* [ya].

**TAMAT BAHAGIAN 1**

## BAHAGIAN 2: SEJARAH PENDIDIKAN TOKOH

**NHS : Soalan seterusnya, pada tahun berapakah encik mula bersekolah rendah?**

FM : Saya masuk sekolah rendah darjah satu pada tahun 1962 kalau tak silap, 55, 62, betullah, 7 tahun.

**NHS : Apakah nama sekolah tersebut?**

FM : Sekolah itu adalah Sekolah Kebangsaan Jalan Pasar 1. Kemudian, seperti yang saya cakap tadi, saya masuk -- setelah habis sekolah rendah saya masuk ke sekolah menengah di Sekolah Aminuddin Baki, Kuala Lumpur dan seterusnya ke Sekolah Alam Shah untuk tingkatan 6 tapi [tetapi] cuma 1 minggu, dan kemudian saya ke UTM [Universiti Teknologi Malaysia] untuk kursus Diploma Elektrik. Walau bagaimanapun, saya tidak meneruskan kerjaya itu. Saya mengubah kerjaya saya ke muzik sebab masa sekolah menengah lagi saya sudah bermain muzik di, *function-function* [majlis-majlis], di orang kahwin dan di -- *you know* [awak tahu] main dengan band lah. Jadi pada masa saya sekolah menengah, kebanyakannya, bapa saya tidak perlu lagi memberikan saya wang sekolah sebab saya sudah pandai mendapatkan duit belanja sendiri. Dan itu pada saya adalah satu pencapaian dalam membantu keluarga pada masa itu.

**NHS : Pada tahun berapakah encik bermula sekolah menengah?**

FM : Sekolah menengah tahun 62, 63, 64, 65,66, 67, 68, 69. Tahun 69 [1969] saya tingkatan 1, saya ambil SPM [Sijil Pelajaran Malaysia] tahun 72 [1972] tapi [tetapi] masatu [masa itu] SPM [Sijil Pelajaran Malaysia] sekaligus dengan sijil Cambridge. So [jadi], SPM dan Cambridge sekaligus, dalam satu peperiksaan dan saya lulus dan diterima masuk ke UTM [Universiti Teknologi Malaysia] lah. Dan, saya masa tingkatan 4, saya adalah seorang pelajar aliran sains. Saya -- saya *personally* [secara peribadi] tidak suka *art* [seni], tetapi saya terbabit dalam bidang muzik dan jugak [juga] *art* [seni]. Jadi saya ada *art* [seni], saya ada sains. Okay.

**NHS : Apakah subjek kegemaran encik semasa bersekolah menegah dan mengapa?**

FM : Saya -- semasa sekolah menengah, saya sampai sekarang pun, saya masih minat pelajaran yang berasaskan Matematik, Fizik, *Chemistry* [kimia] yang ada Matematik. Kalau pelajaran pelajaran yang macam Bahasa Malaysia, Bahasa inggeris, sejarah semua ni saya tak minat. Saya minat -- tapi saya terpaksa luluslah kan, tapi yang saya minat adalah matematik, nombor satu. Tapi jarang-jarang -- boleh katakan jarang-jarang pelajar-pelajar melayu khususnya, minat matematik. Kebanyakan yang saya tanya semua takut dengan matematik, ataupun tak minat dengan matematik. Tapi saya seorang yang minat matematik.

**NHS : Apakah jawatan yang dipegang oleh encik semasa di sekolah menengah?**

FM : Saya tidak ada apa-apa jawatan semasa di sekolah menengah. Cuma saya masuk pasukan pengakap, itu saja [sahaja]. Saya tidak ada menjadi sebagai bendahari ke ataupun apa-apa jawatan dalam sekolah lah.

**NHS : Adakah encik pernah mendapat apa-apa anugerah ketika berada di sekolah menengah?**

FM : Anugerah -- bila kita dapat 1, 2 atau 3 atau 4, kita akan dapat hadiah. Adalah saya dapat beberapa kali sebab sepanjang sekolah, daripada sekolah rendah sampai sekolah menengah, saya selalunya tidak akan, tidak akan mendapat nombor kedudukan lebih daripada 15. Selalunya 15 ke bawah, itupun 15 sekali saja [sahaja], yang saya ingat 15 kebawah. Dan ada sekali nombor, saya dapat nombor 4. Dapat hadiah nombor 4. Okey? saya tak dapat hadiah nombor 1, nombor 2, nombor 3 tapi, buat masa sekarang ni pada saya, kita tak perlu, kita tak perlu jadi bagus. Kita perlu jadi pandai. Kalau dapat kamu bezakan, bagus dengan pandai. Bagus, kadang-kadang dia bagus dari segi keputusan dia bagus, dari segi pencapaian dia bagus. Tapi bila diluar sana dia tidak dapat berkomunikasi, mungkin dia tidak dapat pekerjaan, mungkin dia tak dapat apa-apa *job* [pekerjaan]. *So* [jadi], bagus yang tak bagus. So [jadi], kata orang, *we have to* [kita perlu], kita

perlu -- kita tak perlu jadi terlampau bagus, kita perlu jadi, smart [pandai]. Macam mana nak cakap tu. Kita perlu gunakan apa yang kita belajar sebagai, sebagai *guideline* [garis panduan]. Contoh macam matematik, saya tak perlu jadi -- matematik untuk mendapat straight 1 ataupun A pada matematik, yang penting saya faham apa itu matematik. Faham? Okey.

**NHS : Soalan seterusnya, apakah kata-kata atau nasihat yang diberikan oleh guru encik yang encik tidak dapat dilupakan sampai sekarang?**

FM : Yang saya ingat tidak ada apa-apa. Cuma saya selalu berpandukan kepada apa yang arwah ayah saya cakap, "kalau kamu nak jadi orang, belajar betul-betul". Itu saja [sahaja]. Jadi, semasa saya di lingkungan belasan tahun, masa tu saya bercita-cita untuk masuk ke universiti, untuk mendapat ijazah ataupun diploma ke, dan itu yang saya buat dan untuk mendapatkan kelulusan -- apani [apa] untuk memasuki universiti saya perlu lulus SPM [Sijil Pelajaran Malaysia]. Jadi saya buat apa yang saya perlu buat untuk mendaki ke tangga-tangga seterusnya lah.

**NHS : Semasa encik berada di alam universiti, apakah kenangan pahit manis ketika disana?**

FM : Apa yang saya ingat, semasa saya di universiti tidak ada apa-apa yang pahit. Semuanya manis, tidak ada apa-apa masalah sebab di universiti kami diberi biasiswa. Zaman kami dulu, kita masuk universiti awam, zaman sekarang saya tengok ada universiti awam dan ada university swasta. *So* [jadi], yang lulus, masuk universiti awam, yang tak lulus tapi ada duit masuk universiti swasta. Jadi pada saya, kalau kamu dipilih untuk masuk universiti awam tu, kamu adalah seorang yang -- salah seorang daripada yang terbaik lah. Kalau yang kurang baik tu kena bayarlah. Tapi itu dulu dan sekarang, jadi masanya berbeza, jadi keperluan akan berbezalah. Tapi macam saya cakap tadi, kalau masuk universiti pun tak semestinya kamu dapat kerja kan. *So* [jadi], kalau kamu lulus, pencapaian yang bagus, terbaik pun, kalau kamu tak pandai menggunakannya untuk mencapai apa yang kamu inginkan, tak ada guna pun. Jadi, tak bermakna kamu masuk universiti tu --- kalau dulu-dulu, ya [iya] masuk universiti mesti dapat kerja, mesti ada

biasiswa. Tapi zaman sekarang, bukan. Zaman sekarang masuk universiti untuk mempelajari apa yang kamu -- dan tak semestinya bila kamu keluar esok kamu akan menjadi -- membuat apa yang kamu belajar di university. Kemungkinan kamu akan menjadi benda lain, you know [awak tahu], kamu mungkin belajar *Political Science* [Sains Politik] tapi keluar universiti jadi pengurus pemasaran, mungkin. So [jadi] ada perbezaan-perbezaan dulu dan sekarang, dan yang pentingnya apa yang kita --- macam saya, saya punya polisi ialah, kita perlu buat, kalau boleh kita perlu buat apa yang kita minatlah. Macam saya, saya minat muzik tapi -- dan saya buat muzik. Pada saya itu adalah satu kerja yang -- saya membuat kerja yang saya minat. Setiap saat, tidak ada perasaan bosan ataupun malas, tak de [tak ada]. Seronok. Okey? *Next* [seterusnya].

NHS : **Soalan seterusnya, adakah encik pernah terlibat dengan aktiviti nyanyian atau persembahan ketika masih di universiti?**

FM : Ya, semasa di universiti, di UTM [Universiti Teknologi Malaysia], setiap kali ada acara kesenian, persembahan, saya akan ada untuk bermain gitar. Kebanyakannya lah main gitarlah. So [jadi] disitu saya nampak -- saya sudah nampak saya punya minat dan saya --- rahsia yang saya pernah buat adalah, duit baki duit biasiswa yang saya dapat, saya beli gitar. Bukan beli buku, beli gitar. Sebab buku semua dah [sudah] dibayar, yuran semua sudah dibayar, ada wang lebihan dan wang lebihan itu saya beli gitar dan itu adalah -- gitar itulah yang menjadi pencetus, segala-galanya sampai sekarang. Teruskan.

**TAMAT BAHAGIAN 2**

## BAHAGIAN 3: PENGALAMAN KERJAYA TOKOH

NHS : **Soalan seterusnya, adakah encik mempunyai pengalaman pekerjaan yang lain sebelum encik terlibat dengan dunia seni?**

FM : Saya -- sebenarnya saya terlibat dengan dunia seni dulu [dahulu]. Kemudian saya -- pada tahun 83 [1983], saya telah di -- sementara saya menjadi penerbit album, kemudian saya telah ditawarkan, tugas sebagai Ketua Bahagian Melayu, syarikat rakaman yang baru naik di Kuala Lumpur. Selama saya bekerja di situ, selama 9 tahun Sebagai Ketua Bahagian Melayu di syarikat EMI [EMI Music Publishing Malaysia Sdn. Bhd.] yang menguruskan artis-artis yang besar-besar macam Sudirman, Syarifah Aini, Norkumalasari dan macam-macam, Sudirman, Dj Dave, Hermantino, Dahlia Hamid, Anita Sarawak dan lain-lain. Dan disitu saya dapat mengembangkan lagi pengalaman saya, selain sebagai pemuzik dan juga sebagai pengurus, yang dimana -- pelajaran yang saya lalui di universiti membantu saya untuk menjadi seorang pengurus, dan untuk berkomunikasi dengan pekerja-pekerja lain. Dan -- selain itu, saya jugak [juga] sebagai pemuzik, jadi pengalaman dari segi pemuzik dan pengalaman dari segi pelajaran sains dan lain, membantu saya menjadi seorang yang boleh mengurus. Jadi kalau kamu semua, yang keluar daripada pusat-pusat pengajian tinggi pun akan menjadi pengurus, ebih kurang, jadi itu – tapi, kalau boleh kita kena pelbagaikan kita punya, kemahiran kitalah. Pelbagai kemahiran, maknanya bukan kamu belajar diuniversiti bahagian design ke katakana, kita kena ambik bahagian lain jugak yang kita minat, sebagai tempat untuk kita mengubah kalau perlu. Okey? *Next question* [soalan seterusnya].

NHS : **Sudah berapa lama encik bergiat dalam bidang seni?**

FM : Saya -- sampai sekarang saya sudah bergiat dalam bidang seni, dan saya masih lagi bergiat walaupun, walaupun sekarang ni saya sudah *slowly* [secara perlahan], pencen, tapi belum 100% pencen, saya sudah berkecimpung dalam dunia saya selama 43 tahun. *Yeah* [ya].

**NHS : Soalan seterusnya, pada usia berapakah encik mula didedahkan dengan muzik dan dari manakah pendedahan itu berlaku?**

FM : Benda tu berlaku secara tak – spontan, tak sengaja. Saya memang berminat muzik daripada sejak zaman 60 an [1960]. Sejak zaman, zaman -- kalau kamu tahu band Beetles, Popeye, dan saya sudah memang --- selalu kalau ada acara kahwin, ada band, saya akan ada disitu. *So* [jadi] saya rasa mungkin masa tu saya sudah berminat dari segi muzik, saya minat mendengar muzik-muzik yang baik dan saya berminat untuk bermain alat muzik. Teruskan.

**NHS : Seterusnya, bagaimanakah penerimaan keluarga encik berkaitan dengan penglibatan encik dengan bidang seni?**

FM : Keluarga tidak ada bantahan. Selagi apa yang kita buat itu bukan sesuatu yang macam ambik dadah ke ataupun benda-benda yang tak baik. So, saya digalakkan oleh ayah saya, dan in fact [faktanya], pada masa umur saya 14 tahun tingkatan 2, saya telah menyimpan wang saya -- wang saku sekolah, masatu sekolah 1 hari belanja dalam 20 sen, saya telah simpan wang saya, dapat 12-ringgit dan -- untuk membeli gitar kapuk, gitar kayu, gitar tong harga 24 ringgit. Ayah saya telah menambah lagi 12 ringgit, jadi 24-ringgit dapat beli gitar kapuk, yang mana gitar kapuk itu, saya dapat belajar bermain gitar dan akhirnya saya menjadi seorang pemain gitar, dengan --- so disitu menunjukkan minat dan usaha saya untuk mencapai apa yang saya minat Saya bukan tunggu ayah macam kebanyakan budak-budak sekarang. Sama lah anak saya pun, semua tunggu bapak yang tanggung, nak pergi sana, bapak tanggung, nak pergi masuk kolej, bapak tanggung. Zaman dulu takde, kita -- apa yang kita nak buat, kita usaha. Kalau kita nak masuk kolej kita usaha mintak borang-borang kolej, kita usaha apply [memohon]. Bukan kolej -- tunggu kolej telefon kita macam sekarang ni. Sekarang ni banyak kolej telefon saya, kolej-kolej berbayar ni telefon saya, "Encik anak encik layak masuk sini, encik dijemput datang", kenapa pulak saya pulak yang kena datang, kan? Kamu yang -- anak saya yang nak belajar, dia pilihlah mana yang dia nak belajar. Dia pilih, saya sign [tandatangan] je [sahaja]. Kalau saya kata saya mampu, saya

mampu, kalau saya kata saya tak mampu, pandai-pandailah cari duit. *So* [jadi], itu --- bukan saya complain [mengeluh], cuma saya nak menunjukkan perbezaan antara dulu dan sekarang lah. *So* [jadi] dulu, kalau yang saya ingat, saya minat nak jadi engineer [jurutera] elektrik, jadi saya apply [memohon] ITM [Institut Teknologi MARA], saya apply UTM [Universiti Teknologi Malaysia]. Masa tu [itu] 2 tu [itu] je [ssahaja] yang ada kursus electrik. *So* [jadi] saya dapat dua-dua, tapi saya masuk UTM sebab dekat dengan rumah saya. ITM masatu [masa itu] Shah Alam, jauh. Jadi saya masuk UTM dan dapat scholarship [biasiswa]. Tak menyusahkan bapak saya. *So* [jadi], zaman sekarang macam anak saya yang nombor 2 masuk kolej, setiap semester kena bayar. So kalau masuk universiti awam tak perlu bayar, siap university bagi biasiswa lagi. Jadi keadaan berbezalah. Cuma, sebabkan keadaan berbeza tu mungkin challenge [cabaran] untuk anak-anak sekarang ni [ini] agak kurang daripada dulu. Mungkin bukan semua, tapi agak kuranglah sebab kebanyakannya -- anak-anak sekarang saya lihat kebanyakannya bergantung kepada mak bapak [ibubapa], terlampau banyak. Melainkan --- *thats why* [sebab itu], sebab tu [itu] kalau kita tengok yang banyak yang lulus A, banyak A, yang lulus tinggi-tinggi semua banyak orang kampung. Orang bandar semua jadi pemalas, mak bapak semua mampu, jadi dia tak rasa kesusahan tu, dia tak ada rasa macam mana nak, tambah baik kehidupan dia sebab dia dah [sudah] baik dah [sudah] kehidupan dia. *So* [jadi] dia tak perlu nak lebih baik, macam saya dulu, saya punya cita-cita saya adalah untuk mendapatkan pendapatan yang lebih baik daripada arwah bapak saya. *So* [jadi], zaman sekarang saya tengok anak-anak -- macam anak saya pun, ada yang takde fikiran macam tu, dia pikir "bapak aku mampu". Itu je [itu sahaja] dia fikir. *So* [jadi], tak boleh masuk universiti awam takpe [tak apa], masuk universiti berbayar. Mana boleh macam tu. *So* [jadi], itu, takkan membawa kepada kejayaan yang baguslah. Dia akan -- mungkin dia akan lulus, mungkin dia tak lulus pun. Saya ada kawan saya yang hantar anak dia masuk, universiti swasta. Dia tak masuk kelas pun, dia tak lulus, dia tak habis pun. Jadi, mungkin sebab-sebab -- *the challenge* [cabaran itu] tu tak [tidak] sama. Jadi itu perbezaan dia dulu dengan sekarang. Teruskan.

NHS : **Soalan seterusnya, apakah kerjaya encik ketika kali pertama menceburi bidang seni dan kenapa kerjaya tersebut menjadi pilihan encik?**

FM : Kerjaya saya dalam bidang seni -- apakah?

NHS : **Kerjaya yang pertama.**

FM : Kerjaya pertama, pemain band kemudian saya masuk EMI [EMI Music Publishing Malaysia Sdn. Bhd.], itulah kerjaya saya, tak [tidak] ada lain. Saya tidak ada terbabit di dalam kerjaya-kerjaya yang lain daripada bidang saya, saya cuma terbabit dalam bidang saya, yang semua orang tahu, muzik. Dalam bidang muzik sahaja, selain daripada bidang elektrik yang saya tak, tak peduli langsung setelah saya tamat, saya cuma suka --- itu menunjukkan yang saya punya minat telah tu lebih kepada, muzik, buat lagu, buat muzik, main muzik, semua muzik. Selain daripada tu [itu] saya tak minat.

NHS : **Seterusnya, pernahkah encik terlibat dengan mana-mana kumpulan muzik atau mana-mana band dan apakah nama band tersebut?**

FM : Ada banyak band yang saya lompat dari satu band ke satu band. Band yang pertama, saya pun tak ingat apa band nama dia, ada banyak band, mungkin sepuluh band, mungkin lebih. Tapi band yang terakhir sekali, saya boleh ingat Discovery, band Discovery ni [ini] band yang terakhir lah. Sebelum tu [itu] kumpulan Electric Organism, sebelum tu [itu], saya tak ingat. Banyak sangat band yang saya lompat dari satu band ke satu band dan tak semua band tu band popular [terkenal], ada band yang main orang kahwin, ada band yang main *night club* [kelab malam], ada band yang main *show* [persembahan]. Jadi macam-macam, so [jadi], saya sudah memasuki fasa-fasa bermain muzik dalam pelbagai keadaan. Daripada orang kahwin, sampailah yang main ke *night club* [kelab malam], sampailah ke main *recording* [rakaman], sampailah ke menjadi pengurus artis, itu saja [sahaja]. Sampai semua yang dalam bidang muzik saya telah buat dan sekarang saya tengok je [sahaja] apa keadaan yang berlaku, dan kalau keadaan-keadaan dalam industri

muzik yang tidak betul, saya akan pantau dan saya akan bagi komen-komen saya di Facebook dan sebagainya, supaya anak-anak muda akan sedar ataupun mungkin faham, ataupun mungkin tahu daripada yang tak [tidak] tahu. Okey?

**NHS : Berapa lamakah kerjaya encik sebagai pemain gitar di kumpulan tersebut?**

FM : Kumpulan Discovery?

**NHS : Ya [Iya], Discovery.**

FM : Saya ingat dengan discovery saya lebih kurang 3 tahun kot [mungkin], dalam 3 tahun. Kebanyakannya, yang lain tu [itu] ada yang setahun, ada yang 6 bulan, tapi ada yang 2 tahun. So [jadi] kumpulan Discovery adalah yang paling lama, sebab kumpulan Discovery tu adalah sebuah kumpulan yang baik, saya suka dengan semua musician-musician [pemuzik-pemuzik] yang ada dan kami semua rajin, masing-masing membuat kerja yang baik, dan kami perform [membuat persembahan] dengan baik, jadi saya lama sikit kat situ. Sampai saya berhenti sebab saya ditawarkan oleh syarikat EMI [EMI Music Publishing Malaysia Sdn. Bhd] sebagai penerbit album, semua. Jadi saya terpaksa menarik diri supaya saya dapat menumpukan kepada bahagian lain, selain daripada rock. Untuk perform, ia lebih sesuai pada usia muda. Bila usia kita sudah meningkat, 20 lebih nak masuk 30, kita akan fikir, mencari tapak untuk sesuatu yang lebih stabil lah. Jadi kalau main muzik ni kita, main night club ke ataupun main Zouk, pendapatannya tak [tidak] tetap dan dengan tidur kitapun tak tetap, tidur lambat, bangun lambat. Jadi masa umur 30an -- saya masuk -- 20 lebih, 28 macam tu masuk EMI saya dapat bertapak ke satu lagi bidang, dalam bidang muzik jugak [juga] tapi dengan syarikat EMI [EMI Music Publishing Malaysia Sdn. Bhd,] sebagai pengurus artis. Disitu saya bekerja sepenuh masa sebagai pengurus artis. Masuk waktu pejabat dalam -- tapi bukan macam pekerjaan masuk pukul 8, kita masuk pukul 10. Kita habis kerja tak tentu masa, tapi kita boleh kawal waktu bekerja kita tu [itu]. Kalau macam dalam bidang main dengan band kita tak boleh kawal kita punya pergerakan sebab kalau pukul 9 kita kena *perform* [membuat persembahan], kita kena perform pukul 9. Kita kena ada pukul 9, kita kena habis pukul 2 pagi, kita habis pukul 2 pagi. Tapi

kalau sebagai pengurus artis di syarikat EMI [EMI Music Publishing Malaysia Sdn. Bhd.] kita oleh masuk pukul 10, kita boleh masuk pukul 11, kita boleh habis pukul 12 malam, kita boleh habis pukul 4 petang. Jadi lebih fleksibel dan setiap bulan dah tentu kita ada gaji, dan untuk menguruskan artis-artis yang ada pun, satu *challenge* [cabaran] yang lain pada yang lain, sebab setiap artis tu ada perangai masing-masing, ada masalah-masalah yang perlu kita selesaikan. Teruskan.

NHS : **Bolehkah encik ceritakan mengapa encik memilih untuk menjadi seorang komposer?**

FM : Saya tak -- saya tidak memilih menjadi seorang komposer. Saya tak sengaja ataupun secara spontan, saya jadi seorang komposer. Sebenarnya semasa saya menjadi pengurus artis di syarikat EMI, setiap artis perlu membuat rakaman dan bila saya memerlukan lagu-lagu yang saya rasa sesuai untuk artis-artis tersebut, kadang-kadang ada pada masanya lagu-lagu yang saya perlukan itu tidak mencukupi dari segi kualiti kan -- pada saya. Jadi akhirnya saya terpaksa gubah macam mana yang saya perlukan dan akhirnya lagu-lagu yang saya gubah telah menjadi dan disitu secara tak langsung saya terus menjadi komposer, pada -- kepada peminat-peminat diluar sana..dia memang tahu saya, Fauzi Marzuki seorang komposer. Dia bukan tahu Fauzi Marzuki seorang pemain gitar, ataupun seorang engineer [jurutera] ataupun seorang apa-apa pun. Dia tahu Fauzi Marzuki, komposer. Itu saja, tapi bidang muzik ini sebenarnya luas, ada, muzik ni ada -- *you* [awak] boleh *perform* [membuat persembahan] main muzik, you boleh busking main muzik, *you* [awak] boleh buat buku muzik, *you* [awak] boleh gubah muzik, *you* [awak] boleh jadi pengurus artis, *so many* [sangat banyak]. *So* [jadi], saya telah buat berbagai-bagai, dan saya suka bidang muzik sebab -- tak tahulah sebab saya suka muzik. Saya rasa semua orang suka muzik, tapi saya suka muzik yang baik, saya bukan -- saya tak suka muzik yang tak baik. Muzik yang tak baik, saya tak suka, muzik yang baik saya suka tak kiralah dia classical [klasik] ke, dia traditional [tradisional] ke, dia pop ke, kisahlah, tapi -- cuma yang dihasilkan mesti baik, bukan setakat boleh. Bolehlah pada saya tak boleh, sebab bolehlah tu maknanya boleh lagi. Teruskan.

**NHS : Berapakah umur encik ketika pertama kali encik menggubah lagu?**

FM : Okey, saya mula mencipta lagu pada umur 14 tahun tapi lagu tu [itu] dirakamkan pada masa saya dengan band Discovery lah. Tapi lagu pertama yang saya cipta, pada -- kalau tak silap saya dalam umur 14 atau 15 tahun begitu. *So* [jadi], saya memang sudah ada bakat -- saya sudah nampak saya sudah ada bakat mencipta lagu, menulis muzik, saya boleh mendengar muzik yang baik, muzik yang tak baik. Jadi dari situ dia dapat -- saya dapat mengasah diri saya supaya menjadi seorang pemuzik yang baik, tak semestinya menjadi seorang komposer yang baik, tapi seorang pemuzik yang baik.

**NHS : Soalan seterusnya, siapakah idola encik dalam bidang penggubahan lagu?**

FM : Idola saya dalam bidang penggubah, penciptaan lagu. Idola saya adalah Quincy Jones, Q-U-I-N-C-Y, Jones, J-O-N-E-S, Jones. Google lah. Okey? semua idola-idola saya kebanyakannya adalah pemuzik-pemuzik antarabangsa. Saya tidak ada idola di Malaysia atau *local* [tempatan] lah sebab untuk kita meningkat lebih tinggi lagi kita perlu melihat keseluruhan satu dunia, bukan Malaysia sahaja. Pada saya lah kan, saya punya pandangan, saya perlu sebagus, sebaik yang antarabangsa, bukan *local* [tempatan]. Teruskan.

**NHS : Mengapakah encik menjadikan beliau sebagai idola encik?**

FM : Sebab dia bagus. Saya tak tahu nak cakap apa, sebab dia bagus -- sebab dia buat berbagai-bagai album dengan lagu-lagu yang meletup-letup macam Micheal Jackson, album Thriller -- album Michael Jackson, Thriller dan lain-lain sebelumnya. Jadi pada saya dia adalah seorang pemuzik dan juga komposer macam saya, yang terbaik dan sampai sekarang -- dizaman sekarang masih belum ada penggantinya. Teruskan.

**NHS : Soalan seterusnya, apakah tajuk lagu pertama yang encik ciptakan?**

FM : Lagu pertama yang saya cipta adalah lagu untuk kumpulan Discovery, band saya

dulu. Nama lagu tu [itu], 'Di Malam Sepi'. Tapi ia adalah satu lagu yang pada saya tak cukup kuat, sebab tidak menjadi lagu *hit* [meletup] selain -- semacam lagu-lagu yang hit yang telah saya buat, yang berbagai-bagai.

**NHS : Bilakah encik mula terkenal atau dikenali oleh orang ramai?**

FM : Saya mula dikenali pada zaman 80an [1980], sejak saya membuat album yang -- album Yusni Hamid, kemudian saya buat album Wolfgang, kemudian saya buat album Rahimah Rahim, yang banyak ada lagu-lagu hit saya disana, kemudian saya buat album-album yang lain-lainlah, Sudirman, Sharifah Aini, Jamal Abdillah, Shima, Rahim Ma'roof, Sweet September, Freedom, Anita Sarawak dan banyaklah. Setelah -- dalam jangka masa dua puluh [20] tahun tu [itu] berbagai-bagai album saya dah buat, berbagai-bagai jenis muzik yang saya dah buat. Ada yang hit, ada yang tak hit, tapi Alhamdulillah ada banyak yang hit. Semua orang tahu lagu 'Kekasih Awal dan Akhir', lagu 'Teringin', Shima, semua orang tahu 'Lagenda', Shila Majid -- banyak lagi lah.

**NHS : Soalan seterusnya dari manakah encik mendapat ilham untuk menggubah sesebuah lagu?**

FM : Saya pun tak [tidak] tahu. Ilham tu [itu] datang bila saya dapat tahu -- saya cuma bayangkan penyanyi yang itu, dan saya akan membuat apa yang saya banyangkan dalam suara -- tentang suara beliau, tentang kebolehan beliau, tentang kelemahan beliau. Jadi saya akan cuba buatkan lagu-lagu yang sesuai dengan artis-artis yang saya buat dan setiap artis yang saya buat itu berbeza-bezalah dia punya kebolehan dan kemampuan dan kelemahan masing-masing. Jadi apa yang saya buat selalunya berlandaskan, apa yang saya fikir tentang artis itulah dan saya tidak akan buat lagu yang, mengikut cita rasa saya. Saya akan membuat lagu yang mengikut kesesuaian artis tersebut. Teruskan.

**NHS : Apakah genre lagu yang telah digubah oleh encik setakat ini dan mengapa encik memilih genre tersebut?**

FM : Saya tidak ada -- saya tidak ada memilih genre-genre muzik yang khusus. Saya -- macam yang saya cakap tadi, saya buat lagu berlandaskan artis itu. kalau artis tu penyanyi dangdut saya akan buat lagu dangdut, kalau artis tu penyanyi pop saya akan buat nyanyi lagu pop, kalau artis tu penyanyi lagu jazz, saya akan buat --- macam Shiela Majid lebih pada jazz saya akan buat lagu yang sesuai dengan Shiela Majid, yang berlandaskan sedikit jazz. Jadi tidak ada -- macam saya kata tadi, saya suka berbagai-bagai muzik. Saya tak kira muzik tu jazz ke dangdut ke rock ke, tak kiralah apa muzik pun, tapi mesti bagus, mesti baik, mesti bagus, mesti boleh jadi *hit* [meletup]. Itu saja [sahaja].

**NHS : Soalan seterusnya, pernahkah encik membuat lagu untuk artis dari luar negara?**

FM : Saya tak pernah buat untuk artis dari luar negara. Setakat yang saya ingat tidak pernah, takde [tidak ada] sebab, untuk membuat -- artis-artis dari luar negara mereka ada team [pasukan] masing-masing dan saya rasa mereka akan gunakan team-team mereka yang mereka telah sesuai setelah beberapa lama. Jadi agak sukar untuk kita masuk ke -- contoh ke Indonesia ke pun, agak sukarlah sebab masing-masing ada team masing-masing. Teruskan.

**NHS : Pernahkah encik bekerjasama dengan komposer yang lain dan untuk karya yang mana?**

FM : Saya pernah bekerjasama dengan seorang komposer dari Indonesia, untuk album Sharifah Aini yang bertajuk 'Kau Yang Pertama' pada tahun -- lebih kurang 80 lebih, 84 ke 85, komposer itu bernama A. Riyanto, A. Riyanto is the A-Riyanto. Kami bekerjasama untuk menerbitkan album Sharifah Aini pada masa itu dan disitu saya dapat menilai tahap kebolehan saya dan tahap kebolehan dia, apa yang -- apa kelebihan yang beliau ada saya dapat ambil dan apa yang kelebihan yang saya ada, dia dapat ambil dan ia satu *exercise* [latihan] yang menyeronokkan lah. Sebab sebelum tu kita buat album yang orang-orang kita saja, penerbit di Malaysia, komposer Malaysia, penyanyi Malaysia. *So* [jadi] bila kita dapat berkerjasama

dengan komposer -- penerbit album dari luar negara, kita dapat mempelajari sesuatu dan itu dapat mengembangkan lagi pengalaman saya lah.

NHS : **Apakah ciri-ciri anak didik yang encik perlukan untuk meneruskan legasi encik?**

FM : Boleh menyanyi bagus saja, itu tak mencukupi *so* [jadi] setiap artis perlu ada identity [identity], perlu ada keunikan suara sendiri. Bukan setakat boleh menyanyi dengan baik saja. Jadi saya belum jumpa lagi artis-artis yang saya maksudkan tadi tu, kalau ada yang saya rasa sesuai yang boleh saya buat, mungkin saya akan buat tapi buat masa sekarang ni [ini] belum lagi.

NHS : **Apakah nama syarikat penerbitan encik?**

FM : Syarikat penerbitan saya, Fauzi Marzuki Production.

NHS : **Adakah encik mempunyai projek terkini yang boleh dikongsikan serba sedikit?**

FM : Buat masa sekarang ni saya masih melihat lagi, tidak ada membuat apa-apa. Saya akan membuat sesuatu jika saya benda tu memang sesuatu yang lain pada yang lain, dan boleh mendatangkan hasil yang

NHS : **Wow?**

FM : Terbaik, baru saya buat. Kalau setakat nak buat lagu saja -- buat lagu saya boleh buat lagu. Sekarang pun saya boleh buat lagu tapi, untuk siapa, apa tujuan tu [itu], tujuan nak buat lagu tu [itu]. Jadi kalau tak ada tujuan saya pun tak nak buat. Mesti ada tujuan, mesti ada artis, mesti ada -- tujuannya yang *relevant* [berkaitan] lah.

NHS : **Soalan seterusnya, dari manakah encik belajar untuk mencipta lagu, adakah dari pengalaman sendiri ataupun encik pernah mengambil apa-apa pengajaran khas?**

FM : Kebanyakannya saya belajar sendiri, cara saya belajar sendiri tu adalah dengan

mendengar berbagai-bagai lagu antarabangsa yang saya minat dan dari situ, saya dapat idea-idea yang dapat di bawak [bawa] ke, muzik-muzik Malaysia lah. Dengan kualiti yang saya pelajari dari lirik-lirik antarabangsa lah. Tapi disesuaikan dengan -- di Malaysia kan, supaya sesuai dengan keadaan di Malaysia. Orang Malaysia suka makan belacan, orang mat saleh suka makan *cheese* [keju], jadi kita kena sesuaikan.

NHS : **Pada pendapat encik, adakah perkembangan teknologi pada zaman kini membantu kerja-kerja seorang komposer dan dari segi apa?**

FM : Ya [iya], itu *definitely* [sudah tentu], sudah tentu. Teknologi sekarang banyak membantu kami sebab sekarang semuanya ada didalam -- boleh dibuat didalam digital. Kalau kita ada software dan komputer yang baik dan kita ada pengalaman, kita boleh buat rakaman dalam computer -- dan digital yang lebih murah, lebih cepat, lebih *efficient* [cekap] dan saya jugak pada umur 67 ni [ini], membuat segala-gala rakaman dan apa jugak berkaitan pembikinan [pembuatan] lagu dengan menggunakan computer, dan – jadi untuk zaman sekarang, sesiapa yang ingin menjadikan diri mereka seorang composer atau pemuzik atau manager, mereka perlu tahu komputer. Okey? bukan setakat pemuzik saja, segala -- semua bidang zaman sekarang kita perlu arif computer dan untuk --- kalau kita tak [tidak] tahu komputer kita akan ketinggalan sebab, dengan adanya computer -- tengoklah kita boleh meeting online [mesyuarat atas talian], kita boleh -- orang boleh hantar words to me [Word kepada saya], online [atas talian], saya boleh buat mixing [campuran], saya boleh buat rakaman lagu daripada jauh, saya pernah buat rakaman, orang hantar saya untuk buat mixing daripada Afrika Selatan, daripada China, daripada Singapore. Jadi saya tak -- kita tak tersekat dalam Malaysia saja macam dulu-dulu. Kalau dulu kita buat rakaman, kita perlu ada bajet dalam sejuta atau lebih untuk membuat satu studio. Kalau sekarang kita tak perlu ada sejuta, beberapa puluh ribu sudah -- kita sudah boleh buat -- komputer yang boleh membuat rakaman, yang boleh membuat anything [apa sahaja] benda yang lain, dan ia sangat hebat sekarang, dan saja jugak [juga] menggunakan software dan PC -- desktop untuk membuat kerja-kerja penciptaan lagu dan juga *arrangement*

[susun atur] muzik, dan lain-lain.

NHS : **Soalan seterusnya, apakah perkara yang paling penting yang encik mahu orang lain tahu tentang encik dan karya encik?**

FM : Pada saya itu semua tak [tidak] penting, *as long as* [asalkan] peminat-peminat *happy* [gembira] dengan lagu yang saya cipta, itu sudah cukup pada saya sebagai *benchmark* [penanda aras] mengatakan apa yang saya buat betul dan baik, dan diterima, itu saja yang perlu pada saya. Saya tak [tidak] perlu -- yang lain-lain semua tak perlu lah.

NHS : **Seterusnya, pada pendapat encik, apakah ciri-ciri istimewa yang membezakan encik dengan komposer-komposer yang lain?**

FM : Oh banyak. Komposer-komposer lain mereka cuma tahu *compose* [menggubah] lagu, menggunakan sebuah gitar ataupun sebuah *keyboard* [papan kekunci] tapi saya boleh mencipta lagu saya boleh menggunakan *software* [perisian] digital saya boleh buat *mixing* [adunan], saya boleh buat *mastering* [kuasai] saya boleh *arrange* [susun] musik, segala-gala yang berkaitan dengan penciptaan tentang produksi musik saya boleh buat semua, dari A sampai Z saya boleh buat sorang [seorang], tapi saya tidak buat seorang diri sebab kita perlu untuk membuat sebuah musik yang baik kita perlu menggunakan pemuzik-pemuzik yang baik dan kadang-kadang kalau kita rasa benda itu alat itu bukanlah alat yang kita mahir kita perlu panggil mereka-mereka yang mahir untuk memainkan alat tersebut. Memang dalam digital (bunyi mic) (berdehem) contoh boleh main piano kalau saya program saya boleh main piano walaupun saya *guitarist* [pemain gitar] saya boleh main piano untuk program musik tapi saya bukan *pianist* [pemain piano] yang baik. Saya tahu saya bukan *pianist* [pemain piano] yang baik dan saya tahu seorang lagi kawan saya tu seorang *pianist* [pemain piano] yang baik kenapa tidak saya panggil dia untuk mengembangkan lagi hasil karya yang saya cipta itu. Jadi, saya akan menggunakan mereka-mereka yang bersesuaian untuk mencapai tahap produksi yang terbaik apabila saya membuat lagu. *So* [jadi], kebanyakkannya komposer-komposer lain mereka hanya boleh membuat lagu kemudian mereka akan

menghantar lagu itu untuk di *arrange* [susun] musiknya oleh orang lain kemudian mereka akan membuat rakaman di tempat lain kemudian mereka akan suruh orang lain buat *mixing* [adunan] di tempat lain orang lain yang buat, tapi semua itu saya boleh buat sorang [seorang] cuma kadang-kadang (bunyi suara kanak-kanak) jika saya rasakan perlu dan jika saya rasakan memerlukan sesuatu yang lebih baik dari saya, saya akan gunakan orang yang terbaik untuk menghasilkan hasil yang terbaik [sambil senyum] pada sayalah. Teruskan.

NHS : **Apakah terdapat perkara yang paling encik tidak suka selama menjadi seorang komposer?**

FM : Fauzi: Sekali lagi.

NHS : **Adakah terdapat perkara yang paling encik tidak suka sepanjang encik menjadi seorang komposer?**

FM : Itu biasa. Kadang-kadang apa yang kita tak [tidak] suka tak [tidak] semestinya tidak boleh dijadikan lebih baik. Pada saya, saya *open* [terbuka] apa yang saya tak [tidak] suka kalau boleh bertambah baik kalau boleh dijadikan lebih baik, saya akan terima tapi kalau yang paling saya tak [tidak] suka adalah dari segi *general* [umum] yang paling saya tidak suka adalah (berfikir) *punctuality*. Pada saya masa yang penting kalau kita kata kita nak jumpa orang tu [itu] pukul satu, kita jumpa orang pukul satu jangan datang pukul dua atau pukul tiga melainkan kita dah bagi notis awal lah. Tapi kalau orang tu [itu] kata pukul satu tapi datang pukul empat, itu saya tak [tidak] suka lah. Kalau pukul satu cakap dengan saya pukul satu pukul satu sama ada cepat atau lambat, lima minit atau sepuluh minit itu saja. Sebab saya punya masa setiap hari memang saya akan susun mengikut waktu dan saya akan *move forward to the next item* [beralih kepada perkara seterusnya] mengikut waktu dan-- keadaan itu penting untuk saya mengurus perjalanan saya setiap hari-- supaya kita lebih produktif kalau tidak kalau tidak berbuat begitu benda itu akan jadi kelam kabut akhirnya semua benda tidak siap jadi kita kena susun sebaik mungkin kalau perlu melainkan tidak ada banyak kerja mungkin satu sahaja kerja dan you [awak] tak [tidak] payah lah susun sangat tapi kalau ada dua tiga atau empat lima

benda nak buat kita kena susun ikut waktu-- itu penting pada saya-- saya *punctual* [tepat masa] kalau saya cakap lima minit tadi tengok lima minit.

NHS : **Soalan seterusnya, pada pendapat encik, apakah ciri-ciri yang menjadikan sesebuah lagu itu sebuah lagu yang boleh dikatakan berjaya?**

FM : Lagu yang berjaya pada saya adalah lagu yang menjadi *hits* [terkenal] . Lagu yang menjadi hits [terkenal] adalah lagu yang-- semua orang (berdehem) kenal yang semua orang suka lagu tu [itu] dan kenal lagu itu-- (bunyi burung) itu saja tapi kadang-kadang ada perbezaan antara lagu itu yang hits [terknal] ataupun artis itu yang hits [terkenal]. So [jadi], zaman dulu [dahulu] dan sekarang di mana-mana zaman pun kadang-kadang ada orang suka lagu sebab diaorang [mereka] suka artis itu tapi-- pada saya artis itu tidak akan menjadi kegemaran orang ramai jika lagu yang dinyanyikan tidak digemari ramai jugak. Jadi saya rasa ciri-ciri lagu yang disukai ramai itu sebernarnya sama ada kamu ada atau kamu tiada dia ada satu anugerah yang Tuhan bagi awak memang pandai memilih lagu bila awak dengar je [sahaja] awak dah cakap *okay* [baiklah] ini lagu hits, itu saya ada, tak semua orang ada-- faham? O*kay* [baik] terus.

NHS : **Adakah encik pernah menghasilkan lagu dalam bahasa lain selain bahasa melayu?**

FM : Itu tak [tidak] ada. Saya tidak pernah membuat lagu untuk penyanyi Cina ataupun penyanyi India tak [tidak] pernah ataupun penyanyi Inggeris tak [tidak] pernah. Cuma lagu-lagu Malaysia bahasa Malaysia. Okay.

NHS : **Soalan seterusnya, adakah encik mempunyai lagu ciptaan yang tidak pernah diterbitkan?**

FM : Boleh katakan ada tapi kalau lagu itu saya tidak akan memberi lagu yang saya ada simpan -- saya tidak akan bagi lagu itu setakat nak menghabiskan lagu itu sahaja saya akan bagi lagu itu kalau lagu itu sesuai dengan seseorang penyanyi, kalau penyanyi itu tak [tidak] sesuai dengan lagu yang saya ada simpan, saya akan buat

lagu khas untuk penyanyi itu sahaja *start from zero* [bermula dari awal] lah untuk penyanyi itu dan saya akan mengkaji balik macam yang saya cakap tadi saya akan mengkaji balik apa kelemahan dia apa kelebihan dia dan macam mana suara dia macam mana cara bernyayi dia saya akan buat *little bit* [sedikit] ikut badan penyanyi yang baru, saya tak [tidak] akan bagi dia lagu yang ada dalam komputer saya yang saya buat saya rasa sedap tapi— mungkin saya akan rakam kemudian dengan penyanyi yang sesuai tapi setakat ini belum ada penyanyi yang sesuai dengan lagu-lagu itu jadi biarlah dia duduk dalam komputer saya dahulu sampai saya jumpa penyanyi yang sesuai, kalau tidak dia akan menghasilkan satu produksi yang tak [tidak] akan berbaloi dia tidak akan menjadi hits [terkenal]. Kadang-kadang lagu itu bukan lagu hits [terkenal] pun tapi [tetapi] sekurang-kurangnya lagu itu dapat disampaikan dengan baik sebaik mungkin tapi kalau penyanyi itu tidak sesuai dia tidak akan dapat disampaikan dengan sebaik mungkin satu, yang keduanya lagu itu saya rasa rugi kalau diberi kepada penyanyi yang tidak sesuai dengan lagu itu, jadi biarlah saya buat lagu baru yang sesuai untuk penyanyi-penyanyi yang akan saya buat itu-- little bit [lsedikit]. Ada beberapa lagu dalam komputer ni [ini] saya yang saya simpan bukan sebab— sebab saya suka buat lagu untuk penyanyi yang saya sudah tahu siapa penyanyi itu baru saya buat lagu itu, kalau lagu-lagu yang saya buat saya main-main saya buat ada lagu jadi [menjadi] lagu saya cakap sedap tapi belum ada penyanyi yang sesuai saya tak [tidak] akan bagi penyanyi itu bernyanyi.

**NHS** : **Soalan seterunya, pada pendapat encik apakah kelebihan dan kelemahan sebagai seorang komposer?**

FM : Again [sekali lagi]?

**NHS** : **Pada pendapat encik apakah kelebihan dan kekurangan sebagai seorang komposer?**

FM : Seorang komposer ada kelebihan ada kekurangan itu biasa -- macam mana saya nak jawab tu ya? Kita tak [tidak] *perfect* [sempurna] seorang komposer itu tak [tidak] *perfect* [sempurna] dia mungkin bagus dia mungkin banyak buat lagu *hits*

[terkenal] macam saya tapi kita tak [tidak] *perfect* [sempurna] mungkin ada kelemahan mungkin ada kelebihan tapi-- kita kena sedar dengan apa yang kita punya kelebihan supaya kita dapat menjaga *branding* [jenama] nama kita tu dia tidak jatuh jangan sampai kita buat lagu tidak *hits* [terkenal] kita buat lagu tidak *hits*[terkenal] jadi lebih baik jangan bagi orang sampai kita betul-betul pasti lagu itu lagu bagus baru kita bagi pada orang itu.

NHS : **Adakah encik mempunyai pembantu peribadi untuk menguruskan hal-hal seperti kontrak?**

FM : Setakat ini saya tidak pernah ada *assistant* [pembantu] sebab apa-apa kerja pun yang saya buat tidak boleh dibuat oleh orang lain. Macam tukang masak kalau dia masak sedap dia bagi orang lain mesti tidak sedap, mana boleh tukang masak ada pembantu-- melainkan untuk pergi pasar boleh lah, tapi dalam bidang musik apa yang boleh dia bantu? Tidak ada, tidak ada satu benda pun yang boleh mereka bantu jadi saya terpaksa buat sendiri dan saya suka buat sendiri dan saya rasa tak [tidak] banyak orang yang boleh ikut saya punya susunan [sambil senyum] dengan tersusan saya punya susunan. Saya ini seorang yang sangat tersusun kalau-- *just for your information* [untuk pengetahuan kamu], saya punya google drive tersusun, saya punya gambar-gambar dalam *google drive* juga tersusun setiap gambar anak-anak saya ada [gangguan bunyi] jadi bila saya nak lihat nak cari fail gambar dalam fail gambar untuk tahun 2005 sangat senang-- saya tak [tidak] lambakkan semua gambar dalam satu *folder* [fail]-- kalau contoh dalam bahagian anak sekolah, anak sekolah mesti ada dalam *folder* [fail] sekolah, dalam *folder* [fail] sekolah ada dua *folder* [fail] anak satu dan anak dua, dalam setiap anak punya *folder* [fail] ada surat cuti sekolah yang tersusun kat dalam tu [itu] ikut *date* [tarikh] ikut nombor berapa, jadi semuanya tersusun. Dalam *folder* [fail] kad pengenalan, saya ada semua data-data ataupun pdf-pdf kad pengenalan anak-anak saya dan saya dan isteri saya semua yang berkaitan *it so easy to do* [ianya sangat senang di buat] kalau kita *organize* [urus] *everything* [semuanya] secara sistematik lah. So [jadi], contoh macam kamu belajar di Uitm [Universiti Teknologi Mara] contoh kalau kamu ada telefon, kamu punya nombor telefon mesti *save* [simpan] dekat *google drive* jangan

*save* [simpan] dalam fon [telefon], nanti bila fon [telefon] hilang ataupun beli fon [telefon] baru kamu kena copy [salin] balik *address* [alamat] dan *phone number* [nombor telefon] yang baru kan susah. Jadi kalau kamu save [simpan] nombor-nombor telefon diguna dalam *google drive*, bila mana kamu beli telefon baru, kamu just [hanya] *log in* [masuk dalam] dalam kamu punya *google* akaun segala-gala nombor telefon masuk balik, segala-gala password masuk balik, segala-gala gambar masuk balik, *so easy nowadays* [zaman sekarang sangat senang]. Jadi, *facility* [kemudahan] itu ada, alat ada jadi kena gunakanlah dalam zaman digital ni, kita jangan takut dengan komputer kebanyakannya orang yang umur enam puluh tujuh tahun macam saya ni [ini] kebanyakkannya takut komputer bila komputer je [sahaja] dia terus mati akal so [jadi], sebenarnya komputer menyenang kerja kita saya punya fail-fail semua ada dalam komputer semua ada dalam *google drive*, saya ada dalam google one saya ada dalam *a few* [beberapa] *drives* yang saya asing-asingkan kalau dokumen dalam *drive* lain, *google drive* kalau gambar dalam another [yang lain] *clouds* semuanya dalam *clouds* sekarang ni [ini] *even* [walaupun] kadang-kadang kerja-kerja saya pun dalam *clouds* kalau kita guna *software* [perisian] pun zaman sekarang pun kita *log in* [masuk dalam] kita punya *username* [nama pengguna] pun pakai *clouds* jadi untuk zaman sekarang kena pandai computer-- *okay* [ya]?

NHS : **Soalan seterusnya, bagaimana tercetusnya idea untuk hasilkan lagu raya nyanyian Rahimah Rahim yang rancak dan menjadi siulan hingga kini?**

FM : Senang saja, untuk mencipta lagu raya kita mesti fikir happy-happy [gembira-gembira] kita mesti fikir siapa yang nak menyanyinya yang dalam kes itu lagu tu [itu] Rahimah Rahim yang nyanyi jadi saya dah tahu suara Rahimah Rahim, saya dah tahu kebolehan dia kelebihan dia dan saya nak buat lagu raya, lagu raya mestilah suasana— kita bayangkan kita buat satu filem (menggerakkan tangan) kita bayangkan orang yang balik kampung tu adalah satu filem dan kita bayangkan musik latar dibelakang tu [itu] adalah musik kita nak buat-- jadi kita perlu sesuaikan suasana hari raya itu (berdehem) dengan keadaan orang yang nak balik kampung daripada bandar pergi ke kampung, jadi lagu tu mesti lagu-lagu yang

berentakkan tak [tidak] berapa susah, lagu yang senang, lagu yang bersifat kemelayuan kemalaysiaan-- daripada saya itu yang saya fikirkan itu yang-- kemudian yang lain itu semua datang dengan sendirinya. Cuma saya tak [tidak] setuju kalau orang buat lagu-lagu raya yang berentakkan *r&b* [rhythm and blues] atau *hip hop* ataupun *metal* sebab itu adalah rentak-rentak bandar pada saya. So [jadi], orang bila balik kampung, dia tak [tidak] balik daripada kampung ke bandar, dia balik kampung daripada bandar ke kampung jadi kalau kita *imagine* [bayang] kan kita tak [tidak] lagi nak balik kampung tapi lagu berentak *r&b* [rhythm and blues] di belakangnya saya rasa tak [tidak] sesuai-- melainkan orang tu balik daripada kampung nak pergi ke bandar boleh lah dia pakai rentak *r&b* [rhythm and blues] (gangguan bunyi) sebab dia nak pergi ke bandar. So [jadi], macam saya cakap tadi kita mesti bayangkan pembuatan kita tu [itu] daripada bandar ke kampung tu ada satu filem, satu klip video dan kita perlu letak musik di belakang itu bersesuaian dengan keadaan yang orang itu nak balik ke kampung. Jadi, itu yang saya fikirkan-- dan lagu tu mesti lagu yang senang bukan lagu susah, kalau kita dengar lagu selamat berhari raya nyanyian Rahimah Rahim lagu tu sangat *simple* [ringkas] semua orang boleh nyanyi setiap orang boleh nyanyi dan lagu tu [itu] telah menjadi salah satu daripada lagu hari raya yang mesti ada pada setiap tahun-- dan Alhamdulillah tahun ini syarikat Maxis (Maxis Communications) telah menggunakan lagu itu untuk video raya mereka dan mereka telah membayar sejumlah wang yang sangat lumayan kepada saya untuk lagu itu, untuk menggunakan lagu itu dan itulah kalau kita buat lagu yang baik-- hasil dia baik, hasilnya maksud saya penerimaan orang baik, orang nak bayar pulak kita lagi orang nak gunakan lagu itu, so [jadi] baik semua. Teruskan.

**NHS : Soalan seterusnya, bagaimanakah pengalaman encik bekerjasama dengan Dato' Siti Nurhaliza?**

FM : Saya tak [tidak] banyak bekerja dengan Siti Nurhaliza [Dato' Siti Nurhaliza] tapi saya pernah bekerja dengan beliau. Beliau adalah seorang penyanyi yang sangat baik, (berdehem) sangat senang untuk bekerja sebab beliau tidak ada masalah dari segi nyanyian, beliau tidak ada masalah dari segi kehadiran timing [masa] jadi pada

saya beliau seorang penyanyi yang sangat baik. (berdehem) Kalau saya nak menjaga rakamkan suara beliau pun saya tidak perlu bercakap banyak sebab beliau tahu apa yang beliau nak buat dan apa yang saya buat pun memang saya dah [unclear] untuk beliau sebab saya tahu beliau ni [ini] seorang penyanyi yang hebat yang boleh buat apa saja jadi, pada saya beliau seorang penyanyi, betul-betul seorang penyanyi, memang dilahirkan sebagai seorang penyanyi. Terus.

**TAMAT BAHAGIAN 3**

## BAHAGIAN 4: PENCAPAIAN TOKOH

NHS : **Soalan seterusnya, apakah lagu terbaik yang encik hasilkan dan apakah keistimewaan lagu tersebut berbanding dengan lagu encik yang lain?**

FM : Okay, *first of all* [yang pertama] saya tak [tidak] pernah bandingkan lagu saya lagu mana lagu yang ni [ini] dengan lagu yang tu saya tak [tidak] pernah bandingkan sebab setiap lagu berbeza dan dinyanyikan oleh penyanyi yang berbeza, dibuat pada masa yang berbeza. *So* [jadi], tidak ada *comparison* [perbandingan] pada lagu-lagu masing-masing sebab-- keupayaan lagu itu untuk menjadi satu *hits* [terkenal] bergantung kepada pelbagai-bagai kriteria, kriteria masa (berdehem) [unclear] kriteria lirik. Jadi susah nak dibandingkan. Cuma lagu-lagu yang baik yang saya rasa yang saya pernah cipta macam lagu lagenda Sheila Majid [Dato' Sheila Majid] lagu 'pada syurga wajah mu' Nash, lagu 'kekasih awal dan akhir' Jamal Abdillah, lagu 'penghujung rindu' Jamal Abdillah, lagu 'teringin' shima, lagu 'usang' Rahim Maarof-- lagu⊢ ada banyak lagu sebenarnya. Saya ada lebih kurang lima puluh [50] lagu yang masih aktif, yang memberikan saya hasil royalti kepada saya sampai sekarang-- yang cukup lumayan untuk saya katakan sebagai duit pencen. Jadi Alhamdulillah lah banyak lagu lima puluh [50] lagu lebih kurang yang paling yang masih⊢ termasuk lagu hari raya juga dan lain-lain lagu Rahimah Rahim-- . Teruskan.

NHS : **Apakah anugerah yang diperolehi oleh encik sepanjang karier encik sebagai seorang komposer?**

FM : Saya dah [sudah] dapat [mendapat] anugerah kalau daripada AIM [Anugerah Industri Muzik] saya dah [sudah] dapat [mendapat] Anugerah Wirama tak [tidak] ingat tahun berapa, lepastu [selepas itu], saya ada Anugerah Juara Lagu tahun sembilan puluh dua [1992] juara keseluruhan dan ada banyak berbagai-bagai anugerah yang saya dapat-- banyak pencapaian-pencapaian yang telah saya dapat dan saya sangat bertuah kerana dapat menghasilkan lagu-lagu yang baik dan dapat memberikan lagu-lagu saya kepada penyanyi-penyanyi yang baik yang dapat

membawa lagu-lagu tersebut ke— menjadi lagu-lagu hits [terkenal], Alhamdulillah.

NHS : **Diantara anugerah yang encik perolehi, anugerah yang manakah yang encik paling banggakan yang encik dapat?**

FM : Of course [sudah tentu], yang paling saya banggakan ialah Anugerah Juara Lagu lah pada tahun sembilan puluh dua [1992] sebab pada tahun itu saya— anugerah juara lagu itu ada empat [4], ada lima [5]-- empat daripada lima saya punya. Jadi, saya rasa pada tahun itu tahun sembilan puluh dua[1992] masa lagu 'kekasih awal dan akhir', lagu 'pada syurga wajahmu', lagu 'ada pada cinta' dan time [masa] itu adalah masa yang apa [unclear] pada saya dan saya sangat bangga dengan pencapaian saya masa itu dan sampai lah sekarang lagu-lagu itu masih dimainkan di radio-radio dan saya masih menerima royalti daripada lagu-lagu tersebut sampai sekarang-- dan saya rasa saya tak [tidak] akan dapat membuat lagi lagu-lagu sebaik itu sekarang, sebab penyanyi –penyanyi sekarang sudah ada sudah mempunyai team [kumpulan] masing-masing dan saya tak [tidak] ada membuat lagu untuk penyanyi-penyanyi baru, saya tak [tidak] ada buat lagu untuk Aina Abdul, saya tak [tidak] ada buat untuk lagu untuk Hael Husaini ke sebab mereka ada team-team [kumpulan-kumpulan] masing-masing hujan, so [jadi], masing-masing ada team [kumpulan] masing-masing dan diaorang [mereka] akan buat lagu masing-masing dan saya rasa zaman saya sudah hampir ke penghujung dan saya terima itu, tapi saya puas hati sebab saya telah dapat menghasilkan banyak lagu-lagu yang *evergreen* [tahan lama/popular] sampai sekarang. Kalau kita pergi ke karaoke pun orang-orang muda pun nyanyi lagu-lagu lama lagi jugak [juga]. Dia tak [tidak] akan nyanyi lagu-lagu baru. Contohnya kalau kita lihat anak-anak muda sekarang kalau pergi karaoke, dia tak [tidak] akan nyanyi lagu Faizal Tahir. Dia mesti nyanyi lagu Jamal Abdillah, dia mesti nyanyi lagu Shima, dia mesti nyanyi lagu-lagu yang lama, dia tak [tidak] akan nyanyi lagu-lagu yang baru. Jadi di situ kita dapat lihat bagaimana kekuatan lagu lama dan-- kelemahan lagu-lagu baru. Walaupun lagu-lagu baru itu mungkin bagus, tapi kebanyakkannya apa yang boleh saya katakan ialah lagu-lagu baru kebanyakkannya mereka membuat lagu-lagu yang susah, bila susah peminat susah nak ikut bila peminat susah nak ikut dia tidak

akan jadi lagu-lagu yang *evergreen* [tahan lama/popular] la. Lagu *evergreen* [tahan lama/popular] ni [ini] semua lagu senang semua orang boleh nyanyi. Kan? So [jadi], macam lagu M. Nasir [Dato' Mohamad Nasir Mohamed] semua orang tahu lagu-lagu tu, lagu saya 'pada syurga di wajahmu', semua orang tahu lagu 'pada syurga di wajahmu', tapi ada ke yang tahu lagu Hael Husaini yang baru tu? Ada ke yang tahu lagu Aina Abdul yang baru tu? Boleh ingat ke awak? Takleh [tidak boleh] ingat kan? So [jadi], di situ kita dapat nilaikan apa kekurangan lagu sekarang, apa kelebihan lagu dulu. Itu tak bermakna lagu dulu bagus tapi ada kelebihan-kelebihan ada kekurangan-kekurangan untuk lagu baru ada kelebihan-kelebihan lagu lama, *of course* [sudah tentu] lagu-lagu lama ada kekurangan-kekurangan dia jugak [juga] sebab-- manusia tak [tidak] *perfect* [sempurna]. kita tak [tidak] akan dapat buat *hundred percent* [100%] *perfect* [sempurna], *nobody is perfect* tapi kita cuba buat sebaik mungkin supaya apa yang kita buat itu dapat diterima masyarakat tidak kira lah dalam bidang apa pun-- kan? Kalau kita dalam bidang apa pun kalau kita buat sesuatu, kita mesti buat sesuatu sampai benda tu menjadi satu yang paling baik yang kita boleh buat dan berguna untuk orang lain [bunyi kereta]. So [jadi], kalau kita buat benda yang sama dengan orang lain buat, tapi orang lain buat lagi bagus daripada kita *then no point* [jadi sia-sia] lah.

**TAMAT BAHAGIAN 4**

## BAHAGIAN 5: SUMBANGAN TOKOH

NHS : **Soalan seterusnya, encik telah menyumbangkan banyak sumbangan kepada negara iaitu dengan menggubah dan menghasilkan lagu-lagu untuk pelbagai penyanyi yang terkenal di Malaysia, pada pendapat encik, apakah sumbangan terbesar yang seorang komposer boleh sumbangkan kepada Negara?**

FM : Okay, sumbangan terbesar pada Negara ni [ini] tak [tidak] semestinya kita menyumbangkan sesuatu yang boleh— beginilah pada saya setiap warganegara setiap (berdehem) manusia diberi tugas tertentu untuk menjalankan, untuk *contribute* [terlibat] untuk menghasilkan sesuatu untuk masyarakat. Dan saya telah dilahirkan sebagai seorang komposer di Malaysia dan saya harus mencipta yang terbaik supaya tugas saya dapat memberikan hasil yang terbaik dalam bidang saya-- dan itulah sumbangan-sumbangan daripada saya kepada negara dan saya tidak boleh memberi sumbangan yang saya tidak mampu melakukan, saya boleh memberi sumbangan pada apa yang saya mampu lakukan, apa yang saya mampu lakukan ialah membuat lagu-lagu yang baik, saya ada buat banyak lagu-lagu hits [terkenal], saya ada buat banyak lagu-lagu koprat yang bagus-bagus jugak [juga] untuk negara. Dan apa-apa pun yang saya buat untuk negara semuanya berkisarkan dengan bidang penciptaan lagu, bidang musik. Dan itulah sumbangan-sumbangan yang telah saya sumbangkan kepada Negara, dan ianya tak [tidak] semestinya— kalau kita lihat pemain badminton dia menang kat [dekat] *tournament* di London, itu sumbangan dia sebagai pemain badminton. Saya tak [tidak] boleh nak bagi sumbangan yang lain-lain yang saya tak [tidak] mampu buat. Jadi saya punya sumbangan adalah apa yang saya mampu buat apa yang saya baik, apa yang saya bagus. Jadi , saya rasa saya telah menyumbangkan sebaik mungkin apa yang terbaik yang saya rasa saya boleh sumbangkan untuk Negara, sama ada ianya di appriacate [dihargai] atau tidak itu perkara kedua. Kalau mereka rasa mereka nak bagi sesuatu untuk appriaciate [hargai] saya terima, kalau tak [tidak] ada-- tak [tidak] apa sebab itu tugas saya, itu sumbangan saya, itu— saya rasa satu sumbangan yang boleh saya lakukan dan saya rasa saya perlu lakukan untuk

negara. Dan selepas itu, mereka-mereka yang baru perlu menyambung-- apa yang telah dilakukan untuk ditambah baik, supaya negara kita menjadi negara-negara yang tersohor jugak [juga] lah dalam bagai-bagai bidang. Buat masa sekarang ni [ini] dalam bidang musik kita belum sampai kita belum sampai ke tahap itu lagi sebab kalau kita lihat lagu korea sampai dah boleh meletup di Amerika. So [jadi], lagu Malaysia lagu melayu belum sampai ke situ lagi. Jadi kita masih lagi perlu meningkatkan lagi usaha-usaha itu supaya kita dapat meningkatkan lagi kejayaan-kejayaan negara kita dari segi-- saya lihat dari segi kelulusan pembelajaran itu sudah maju tapi dari segi musik ni masih belum di sampai ke tahap itu saya rasa banyak..tak banyak...saya rasa tak banyak orang yang memandang tinggi pada hasil-hasil kerja kami selain-- macam doktor ke *engineer* ke ataupun banyak apa ni-- mereka-mereka yang contoh kalau seseorang tu lulus-- mendapat pangkat pertama di University Harvard dia dirasa sebagai (gangguan bunyi) sesuatu yang sangat berjaya untuk Malaysia tapi kalau dia berjaya dalam bidang musik setakat ni belum lagi sampai ke situ. Jadi-- tapi bila kita buat kerja ni [ini] kita tak [tidak] boleh nak fikir benda tu semua, kita buat je [sahaja] apa yang terbaik, kita buat je [sahaja] apa yang kita boleh buat sampai sebaik mungkin sebab itu adalah itu semua adalah-- tugas kita sebagai (berfikir) rakyat Malaysia dan kita yang boleh buat yang terbaik dan saya akan buat yang terbaik sampai selagi boleh dan saya harap yang lain-lain pun akan cuba membuat yang terbaik supaya suatu hari nanti mungkin lagu-lagu kita akan jadi [menjadi] sebaik ataupun akan bibawa ke persada dunia pulak [pula] suatu hari nanti inshaAllah tapi tak tahu lah. Tapi tugas saya dah buat sebaik mungkin tak [tidak] berjaya jugak [juga] sampai ke situ, jadi mungkin akan datang ada antara rakyat-rakyat Malaysia yang mungkin boleh menjadikan itu satu kenyataan inshaAllah. So [jadi], apa pun mungkin teruskan je [sahaja]. Teruskan.

NHS : **Soalan seterusnya, apakah perubahan yang berlaku kepada keluarga encik disebabkan perkembangan karier encik?**

FM : Saya tidak ada apa-apa masalah dengan keluarga saya sebab mereka terima saya seadanya daripada awal-- dari awal pun mereka memang sudah tahu yang saya

seorang komposer, isteri saya pun tahu saya seorang komposer, anak-anak saya tahu ayah mereka seorang komposer. So [jadi], mereka terima seadanya, okay [baik].

**NHS : Apakakah yang-- *okay* [baik]**

FM : Tapi apa yang paling penting-- yang paling penting sekali pada saya ialah saya-- *I love my job I think I got the best job in the world* sebab saya boleh buat kerja ikut masa saya, Ikut suka saya tidak ada siapa yang nak jentik mesti macam ni mesti macam ni tak [tidak] ada, semua yang saya yang jentik. You [awak] nak lagu saya, saya buat lagu saya macam yang saya buat lagu saya, kalau kamu nak kalau (berdehem) kamu suruh saya buat lagu jangan cakap saya nak lagu macam M. Nasir [Dato' Mohamad Nasir Mohamed] ataupun macam Saadiah Hamdi tak [tidak] ada. Awak panggil saya, awak nak saya Fauzi Marzuki, lagu yang akan keluar lagu Fauzi Marzuki bukan lagu M. Nasir [Dato' Mohamad Nasir Mohamed] bukan lagu Saadiah Hamdi. So [jadi], kita buat secara ikhlas secara jujur apa yang kita rasa sesuai untuk masa itu untuk projek itu dan kita buat yang terbaik lah, *okay* [baik]

**TAMAT BAHAGIAN 5**

**BAHAGIAN 6: CABARAN**

NHS : **Soalan seterusnya, apakah cabaran yang dihadapi di awal penglibatan encik dalam bidang seni?**

FM : *Okay [baik]*, sebenarnya cabaran yang saya hadapi tak [tidak] banyak oleh kerana minat dan pertolongan daripada keluarga dan kawan-kawan saya dapat mempelajari dan menimba ilmu daripada orang-orang sekeliling dan secara umumnya segalanya berjalan dengan lancar saya dapat bertemu dengan orang-orang yang berpengalaman dalam bidang yang saya akan hadapi seperti Encik Johari Salleh-- dan ramai lagi Encik [unclear] daripada aswara masa tu [itu] dia masih dengan RTM (Radio Televisyen Malaysia) dengan *band-band* [kumpulan-kumpulan] yang senior daripada saya, saya bertanyakan apa-apa juga masalah ataupun yang saya ingin tahu dan mereka telah memberikan saya tunjuk ajar dan saya tak [tidak] pernah rasa ada apa-apa cabaran ataupun rintangan yang saya hadapi.

NHS : **Pernahkah encik menghadapi tahun yang menyukarkan sebagai seorang penggiat seni?**

FM : Sebagai penggiat seni, saya memang ada saat-saat yang menyukarkan apabila *especially* [terutamanya] semasa-- (bunyi televisyen) pertukaran antara zaman analog ke zaman digital dan cara pemasaran analog dan cara pemasaran digital dimana dulu kita menjual CD [cakera padat], rekod kaset, CD [cakera padat] dan kemudian berubah kepada yang lebih kepada *YouTube* dan *Spotify* dan sebagainya. Tapi itu tidak mengubah cara-cara saya sebagai pemuzik sebagai komposer benda-benda itu tetap sama, cuma di zaman digital ni [ini] segala rakaman segala apa ni [ini]-- *composition* [penggubahan] di simpan di dalam bentuk fizikal tidak lagi di simpan-- kalau dulu simpan dalan bentuk kaset dan kita akan serahkan kepada sesiapa yang memerlukan dalam bentuk kaset. Zaman sekarang semuanya memerlukan dalam bentuk digital sama ada *MP3* [MPEG-1 Audio Layer 3] atau yang lain-lain kita. Cuma akan mengemailkan saja [sahaja] lagu-lagu tersebut

kepada sesiapa yang memerlukan dan saya tidak menghadapi kesukaran dalam bahagian itu sebab saya memang sudah [berfikir] berjinak dengan komputer sejak zaman Sembilan belas lapan puluhan [1980an] lagi dan saya tidak ada masalah dari segi digital *in fact*, saya rasa saya lebih arif dari segi komputer dan digital berbanding dengan ramai orang-orang baru jugak [juga] sebab saya memang orang yang arif komputer ya.

NHS : **Apakah umur menjadi penghalang untuk encik dari bergiat aktif menggubah lagu seperti dahulu dan adakah encik bercadang untuk bersara dalam masa terdekat?**

FM : Dalam penggubahan lagu ni [ini], kami lebih bernasib baik sebab kita tidak ada umur bersara selagi idea ada, keupayaan ada, kesihatan ada, ia akan terus berjalan macam sekarang. Sekarang umur saya sudah pun enam puluh tujuh [67] tapi saya masih lagi aktif dan masih lagi kadang-kadang diperlukan untuk lagu-lagu, untuk artis-artis, untuk lagu-lagu koprat dan sebagainya dan saya tidak nampak (berfikir) apa-apa yang boleh menghalang penglibatan saya dalam bidang ini selagi kesihatan dan keupayaan saya masih diperlukan. Jadi, dari segi itu tidak ada masalah.

NHS : **Soalan seterusnya, boleh encik kongsikan, apakah cabaran yang paling kerap terjadi kepada seseorang komposer?**

FM : (berfikir) Cabaran paling kerap ialah untuk menyiapkan sesebuah lagu dari segi produksi, jika penyanyi itu adalah seorang penyanyi yang kurang mantap ataupun bukan sebenarnya seorang penyanyi mungkin beliau seorang pelakon ataupun-- seorang model dan sebagainya yang bukan seorang penyanyi yang dilahirkan sebagai seorang penyanyi maksud saya. Jadi, di situ ada sedikit cabaran sebab sudah tentunya penyanyi-penyanyi itu akan menghadapi kesukaran untuk menyanyi [bunyi televisyen] dengan tahap yang boleh diterima untuk dari segi produksi ya. Itu sahaja cabaran-cabarannya. Yang lain-lain saya tidak ada apa-apa cabaran.

NHS : **Untuk mengekalkan momentum dalam industri bukan mudah, jadi apakah**

**saranan encik bagi memastikan karier sentiasa stabil?**

FM : Untuk mengekalkan kemantapan atau momentum supaya kita tetap relevan dalam industri, kita perlu memerhatikan keadaan sekeliling kita, mendengar lagu-lagu yang baru, dan bertanyakan kepada diri kita sendiri sama ada kita ni masih ada di dalam keadaan yang relevan atau tidak. Jadi, kalau kita rasa kita punya *composition* [kedudukan] ataupun kerja-kerja kita itu tidak mencapai tahap yang [berfikir] dikehendaki untuk zaman ini, jadi kita perlu memerhatikan keadaan sekeliling dan mungkin mempelajari mungkin menghadamkan apa-apa yang diperlukan atau apa yang peminat-peminat mahukan kita perlu peka dan perlu cepat bertindak supaya kita tidak tertinggal dibelakang lah.

**NHS : Soalan seterusnya, adakah encik pernah merasa tercabar dengan komposer muda yang lebih mahir dalam penggunaan teknologi musik dan mengapa?**

FM : Saya tidak pernah merasa tercabar sebab seorang komposer itu ibarat seorang pelukis, seorang pelukis tidak akan melukis dengan cara yang sama. Setiap pelukis ada-- cara masing-masing, feel [perasaan] sama jugak [juga] dengan seorang komposer contoh macam M. Nasir [Dato' Mohamad Nasir Mohamed] tak [tidak] akan boleh membuat lagu macam Fauzi Marzuki ataupun Fauzi Marzuki tidak akan boleh membuat lagu macam M. Nasir [Dato' Mohamad Nasir Mohamed] ataupun macam Saari Ramli [Saari Bin Jusoh]. Fauzi Marzuki cuma boleh membuat lagu yang datang dari hati Fauzi Marzuki. Jadi, keadaan itu tidak pernah mencabar, keadaan artis-artis baru yang timbul tidak mendatangkan apa-apa cabaran kepada kita dan-- ditambah pulak [pula] dengan pengalaman- pengalaman yang telah kita lalui selama dua puluh [20] tahun lebih dan sekarang ni [ini] saya sudah ada dalam empat puluh tiga [43] tahun dalam industri. Jadi, saya tidak gentar ataupun ada apa-apa rasa [bunyi televisyen] tergugat dengan-- kehadiran pencipta-pencipta muda— biarlah lebih ramai lebih meriah dan mungkin kita yang lama pun boleh mempelajari daripada apa-apa kelemahan-kelemahan yang timbul-- daripada komposer-komposer muda sebab komposer-komposer muda ni [ini] mereka ada citarasa mereka sendiri tetapi mereka tidak ada pengalaman. Jadi, kalau kita lihat

apa-apa yang dikeluarkan oleh pencipta-pencipta muda kita tidak akan rasa gentar sebab kita terus membuat apa-apa yang kita rasakan relevan ataupun sesuai ataupun dapat diterima oleh peminat-peminat di zaman ini.

NHS : **Adakah kekurangan masa akan menjejaskan kualiti sesebuah lagu dan mengapa?**

FM : Sudah tentu kekurangan masa akan menjejaskan kualiti. Sebab [bunyi suara budak] sesebuah lagu itu perlu diberi tumpuan sepenuhnya dan kita tidak boleh membuat-- sesebuah lagu dengan terus tergesa-gesa melainkan kita membuat lagu-lagu iklan yang kemungkinan ada deadline [tarikh akhir] dan perlu disiapkan dan perlu dibuat mengikut kehendak pelanggan, tetapi untuk lagu-lagu komersial kita tidak ada menetapkan sesuatu masa. Bila lagu tu ada dia ada, bila dia tak [tidak] ada dia tak [tidak] ada. So [jadi], saya akan dalam masa satu hari contohnya kalau dalam masa satu hari kemungkinan saya boleh buat sepuluh [10] lagu tapi [tetapi] kemungkinan jugak [juga] dalam masa satu bulan, satu lagu pun tidak akan timbul. Jadi, untuk mendapatkan lagu yang terbaik, ianya memerlukan masa terutama untuk membuat *composition* [penggubahan] jugak [juga] masa untuk membuat arrangement [susunan] musik, gubahan musik yang baik dan untuk merakamkan rakaman yang baik. Semua itu memerlukan masa dan wang ringgit lah. Jadi, [bunyi televisyen] saya punya polisi adalah dia akan siap bila dia siap. Jadi, tidak akan ada deadline [tarikh akhir] ataupun kekangan - kekangan yang saya perlu [bunyi suara budak] hadapi lah ya.

NHS : **Pernahkah muzik yang encik hasilkan ditolak oleh artis atau syarikat penerbitan dan mengapa?**

FM : (Berfikir) Mungkin pernah tapi tak [tidak] banyak yang ditolak sebab apa yang penting ialah saya telah-- membuktikan bahawa apa-apa lagu yang saya buat kebanyakkannya akan menjadi lagu yang baik dan selalunya-- syarikat-syarikat rakaman dan artis-artis akan meminta lagu dan mereka akan menerima lagu-lagu yang saya-- hasilkan. Walau bagaimana pun, saya selalunya akan membuat kalau artis meminta atau artis atau syarikat rakaman meminta satu lagu, saya akan

membuat dua atau tiga lagu dan saya sendiri akan menyaring lagu-lagu tersebut dan akan cuma akan memberi mereka pilihan mungkin dua lagu supaya mereka dapat memilih antara lagu A atau lagu B. Dan jadi dengan cara ini tidak ada apa-apa keadaan di mana lagu- lagu saya ditolak sebab saya telah menyaringnya terlebih dahulu.

**NHS : Mengikut pandangan encik, apakah menjadi seorang komposer membataskan masa encik untuk melakukan pekerjaan yang lain dan mengapa?**

FM : Ya, sudah tentunya saya sebagai seorang komposer sepenuh masa dan saya tidak ada membuat apa-apa kerja lain melainkan berkenaan kerja-kerja berkenaan dengan musik seperti bermain gitar, bermain musik, membuat arrangement [susunan] musik [berfikir], membuat mixing [adunan] ataupun adunan musik dan benda-benda yang saya lakukan adalah semuanya berkenaan dengan musik. Dan saya memang mahir dalam bidang musik. Jadi, saya tidak membuat kerja-kerja lain walaupun setelah saya menghabiskan [berfikir] pelajaran saya di UTM [Universiti Teknologi Malaysia] dulu. Dari sejak mula saya memang tidak ada melakukan apa-apa kerja selain daripada musik ya.

**NHS : Pernahkah encik pernah berhadapan dengan isu hak cipta dan pada tahun berapa ia berlaku?**

FM : Tidak, saya tidak pernah menghadapi apa-apa masalah dengan isu hak penciptaan. Cuma lagu saya pernah diciplak oleh pencipta di Indonesia dan perkara itu telah selesai dan selain daripada itu tidak ada lagi keadaan seperti itu.

**NHS : Pernahkah encik ditipu atau tidak mendapat royalti sepanjang menceburi bidang seni dan mengapa?**

FM : Juga tidak pernah. Saya— semua lagu-lagu saya diurus oleh syarikat *Publishing*, EMI Publishing dan semua kontrak-kontrak yang berkenaan dengan *publishing* saya akan semak dan menyerahkan kepada mereka untuk menjaga apa-apa yang perlu berkenaan dengan hak cipta ya. Jadi, kalau kita nak lagu kita terjaga dari segi

royalti, kita hendaklah (berfikir) kita hendaklah menjaga dari segi kontrak ya, menyemak kontrak dan kita (berfikir) perlu menyatakan apa-apa keperluan kita supaya kontrak-kontrak itu (berfikir) apa ni kontrak itu adil lah.

**TAMAT BAHAGIAN 6**

## BAHAGIAN 7: HARAPAN DAN PESANAN TOKOH

**NHS : Soalan seterusnya, adakah encik mempunyai harapan yang masih belum tercapai sebagai seorang komposer dan apakah harapan tersebut?**

FM : Dalam hal ini sebenarnya saya berasa bersyukur kerana saya telah mencapai segala-gala impian saya sebagai seorang komposer, seorang pemuzik dan saya rasa saya telah sampai ke tahap yang paling atas dan tidak ada apa-apa lagi yang perlu saya pelajari, tidak ada apa-apa lagi yang perlu saya ketahui, kalau ada pun tak [tidak] banyak dan apa yang saya buat sekarang adalah-- saya cuba menurunkan ilmu-ilmu yang ada pada saya kepada penggiat- penggiat baru supaya mereka tidak terjebak ke dalam masalah-masalah seperti tidak mendapat royalti dan sebagainya dan seperti untuk memainkan musik, untuk membuat *production* [pengeluaran] dan juga untuk membuat mixing [adunan] dan mastering [kuasai]. Saya akan mengajar mereka-mereka ini supaya [berfikir] hasil seni negara kita ni [ini] terjamin dan dalam kualiti yang terbaik sepanjang masa.

**NHS : Dari sudut pandang seorang komposer, jika encik boleh mengubah sesuatu tentang industri muzik di negara ini, apakah yang encik akan ubah?**

FM : Saya tidak— dalam bidang musik ni [ini] semuanya adalah terbuka dan tidak ada apa yang perlu diubah cuma yang perlu diubah adalah kualiti dan kalau dari segi citarasa, saya rasa dia mengikut zaman dan kita perlu mengikut zaman dan kita perlu peka dengan kehendak semasa, dan kalau di zaman Sembilan puluhan [1990an] kita membuat musik- musik tahun Sembilan puluhan [1990an], dan kalau zaman sekarang kita akan buat musik zaman sekarang dan itu perlu dilakukan kalau kita mahu relevan dalam industri ya dan perlu kita perlu lihat sekeliling kita. Okay [ya]?

**NHS : Soalan yang terakhir, apakah pesanan encik kepada golongan muda yang ingin menceburi dalam bidang penciptaan lagu?**

FM : Saya menasihatkan pencipta-pencipta muda BBNU [Budak-budak baru nak Up]

kata orang sekarang, mereka perlulah (berfikir) menyemak lagu-lagu terdahulu, kerja-kerja orang terdahulu bukan untuk ditiru tetapi untuk mengkaji apa yang mereka lakukan dan apa yang telah mereka lakukan adakah ia baik, adakah ia buruk dan apakah yang boleh diperbaharui, apakah yang boleh ditambah baik. Jadi, dalam bidang apapun fakta sejarah itu perlu di ambil kira supaya kita dapat– ia akan memberi kita sesuatu iaitu ia akan memberi kita idea-idea yang boleh diguna pakai untuk menghasilkan ciptaan-ciptaan kita di zaman terkini lah ya. Terima Kasih. Jadi kalau ada apa-apa salah silap saya minta maaf. Saya harap ini, segala yang saya nyatakan di sini dapat membantu anda semua terima kasih.

**NHS : Dengan ini tamatlah sesi temubual mengenai latar belakang, pengalaman hidup dan sumbangan Encik Fauzi Marzuki sebagai seorang komposer yang terkenal di Malaysia. Kami mengucapkan terima kasih di atas kesudian dan kerjasama yang diberikan oleh beliau dalam menyempurnakan temu bual ini. Adalah diharapkan dengan hasil temubual ini dapat menyumbang kepada perkembangan ilmu dalam bidang penggubahan lagu kepada para penyelidik pada masa akan datang. Sekian, terima kasih.**

**Thank you [terima kasih] kerana meluangkan masa, semoga encik sihat dan murah rezeki selalu. Kami nak minta maaf untuk sebarang kekurangan dan silap kami.**

FM : Thank you [terima kasih].

**NHS : Okay, terima kasih encik.**

FM : Sama-sama.

**TAMAT BAHAGIAN 7**

# Log Temubual

Berikut adalah ringkasan temubual bersama Encik Fauzi Bin Marzuki yang dilahirkan pada 21 September 1955, di Kampung Tawas, Ipoh, Perak. Temubual ini dilakukan untuk mengetahui tentang perkhidmatan beliau dalam kerjayanya sebagai seorang komposer, penulis lirik dan penerbit rakaman di Malaysia. Temubual ini telah dijalankan melalui platform Google Meet. Tarikh temubual tersebut adalah pada 25 Jun 2022 (Sabtu) bermula pada jam 11.00 pagi hingga 1.00 petang.

| MASA | SUBJEK | NAMA/TEMPAT/RUJUKAN/PERKARA |
|---|---|---|
| 00:00:00<br>Jam minit saat | Pengenalan | - Hibatin Wafirah Binti Che Rahim<br>- Nur Hayatun Shahida Binti Norizan |
| 00:01:30 | Maklumat tentang latar belakang tokoh | - Fauzi Bin Marzuki<br>- Sekolah Aminuddin Baki<br>- Sekolah Rendah Jalan Pasar<br>- Marzuki Bin Yusop<br>- Hamisah Binti Lotan<br>- Universiti Teknologi Malaysia |
| 00:22:00 | Maklumat tentang pengalaman kerjaya tokoh | - 1983<br>- EMI Music Publishing Malaysia Sdn. Bhd.<br>- Sudirman<br>- Syarifah Aini<br>- Norkumalasari<br>- Sudirman<br>- Dj Dave, Hermantino<br>- Dahlia Hamid<br>- Anita Sarawak |

| | | |
|---|---|---|
| | | - 1960 |
| 00:28:12 | Maklumat tentang penerimaan keluarga tokoh tentang kerjaya beliau | - Tiada bantahan, digalakkan |
| 00:34:29 | Maklumat tentang pertama kali dan sebab tokoh ceburi bidang seni | - Pemain band (kumpulan)<br>- Discovery<br>- Electric Organism<br>- Secara tidak sengaja menjadi komposer<br>- Quincy Jones |
| 00:48:40 | Maklumat tentang tokoh mula terkanal atau dikenali | - 1980<br>- Yusni Hamid<br>- Rahimah Rahim<br>- Sudirman<br>- Sharifah Aini<br>- Jamal Abdillah<br>- Shima<br>- Rahim Ma'roof<br>- Sweet September<br>- Freedom<br>- Anita Sarawak<br>- Shima<br>- Shila Majid |
| 00:51:22 | Maklumat tentang genre lagu, kerjasama yang dibuat oleh tokoh | - Tiada genre khusus<br>- Tidak pernah bekerjasama dengan artis luar Negara<br>- Sharifah Aini<br>- Bekerjasama dengan komposer Indonesia |
| 00:55:50 | Maklumat tentang syarikat | - Fauzi Marzuki Production |

| | | |
|---|---|---|
| | penerbitan tokoh | |
| 1:07:46 | Maklumat tentang pendapat tokoh tentang ciri-ciri lagu yang dikatakan berjaya | - Lagu yang menjadi hits |
| 1:24:34 | Maklumat tentang pencapaian tokoh | - Anugerah Industri Muzik<br>- Anugerah Wirama<br>- Anugerah Juara Lagu tahun<br>- 1992 |
| 1:33:16 | Maklumat tentang sumbangan tokoh | - Membuat lagu-lagu yang baik<br>- Banyak lagu-lagu hits |
| 1:42:26 | Maklumat tentang cabaran yang dihadapi oleh tokoh | - Tidak banyak cabaran<br>- Encik Johari Salleh<br>- Radio Televisyen Malaysia<br>- Saat sukar ketika pertukaran antara zaman analog ke zaman digital |
| 1:59:07 | Harapan dan pesanan tokoh | - Komposer muda menyemak lagu-lagu terdahulu, kerja-kerja orang terdahulu |
| 2:03:28 | Penutup dan ucapan terima kasih kepada tokoh | - Encik Fauzi Marzuki |

# LAMPIRAN

LAMPIRAN 1

**Soalan yang diajukan kepada tokoh semasa temu bual**

1. Apakah nama penuh encik?
2. Berapakah usia encik pada tahun ini?
3. Apakah nama gelaran yang dipanggil oleh keluarga atau kawan-kawan encik?
4. Di negeri manakah encik dilahirkan?
5. Encik merupakan anak yang ke berapa?
6. Apakah nama ibu bapa encik?
7. Dari manakah ibu bapa encik berasal?
8. Adakah ibu bapa encik juga terlibat sama didalam industri seni?
9. Encik mempunyai berapa orang anak?
10. Di usia, di usia berapakah encik dikurniakan anak yang pertama?
11. Adakah terdapat diantara anak encik yang juga bergiat aktif dalam bidang seni?
12. Adakah encik mempunyai cucu?
13. Apakah hobi encik pada masa lapang?
14. Pada tahun berapakah encik mula bersekolah rendah?
15. Apakah nama sekolah tersebut?
16. Pada tahun berapakah encik bermula sekolah menengah?
17. Apakah subjek kegemaran encik semasa bersekolah menegah dan mengapa?
18. Apakah jawatan yang dipegang oleh encik semasa di sekolah menengah?
19. Adakah encik pernah mendapat apa-apa anugerah ketika berada di sekolah menengah?
20. Apakah kata-kata atau nasihat oleh guru encik.yang diberikan oleh guru encik yang encik tidak dapat dilupakan sampai sekarang?
21. Semasa encik berada di alam Universiti, apakah kenangan pahit manis ketika disana
22. Adakah encik pernah terlibat dengan aktiviti nyanyian atau persembahan ketika masih di Universiti?

Gambar 1: Soalan Temubual

# LAMPIRAN 2

23. Adakah encik mempunyai pengalaman pekerjaan yang lain sebelum encik terlibat dengan dunia seni?
24. Sudah berapa lama encik bergiat dalam bidang seni?
25. Pada usia berapakah encik mula didedahkan dengan muzik dan dari manakah pendedahan itu berlaku?
26. Bagaimanakah penerimaan keluarga encik berkaitan dengan penglibatan encik dengan bidang seni?
27. Apakah kerjaya encik ketika kali pertama menceburi bidang seni dan kenapa kerjaya tersebut menjadi pilihan encik?
28. Pernahkah encik terlibat dengan mana-mana kumpulan muzik atau mana-mana band dan apakah nama band tersebut?
29. Berapa lamakah kerjaya encik sebagai pemain gitar di kumpulan tersebut?
30. Bolehkah encik ceritakan mengapa encik memilih untuk menjadi seorang composer?
31. Berapakah umur encik ketika pertama kali encik menggubah lagu?
32. Siapakah idola encik dalam bidang penggubahan lagu?
33. Mengapakah encik menjadikan beliau sebagai idola encik?
34. Apakah tajuk lagu pertama yang encik ciptakan?
35. Bilakah encik mula terkenal atau dikenali oleh orang ramai?
36. Dari manakah encik mendapat ilham untuk menggubah sesebuah lagu?
37. Apakah genre lagu yang telah digubah oleh encik setakat ini dan mengapa encik memilih genre tersebut?
38. Pernahkah encik membuat lagu untuk artis dari luar negara?
39. Pernahkah encik bekerjasama dan pernahkah encik bekerjasama dengan composer yang lain dan untuk karya yang mana?
40. Apakah ciri-ciri anak didik yang encik perlukan untuk meneruskan legasi encik?
41. Apakah nama syarikat penerbitan encik?
42. Adakah encik mempunyai projek terkini yang boleh dikongsikan serba sedikit?

Gambar 2: Soalan Temubual

# LAMPIRAN 3

43. Dari manakah encik belajar untuk mencipta lagu adakah dari pengalaman sendiri ataupun encik pernah mengambil apa-apa pengajaran khas?
44. Pada pendapat encik adakah perkembangan teknologi pada zaman kini membantu kerja-kerja seorang komposer dan dari segi apa?
45. Apakah perkara yang paling penting yang encik mahu orang lain tahu tentang encik dan karya encik?
46. Pada pendapat encik, apakah ciri-ciri istimewa yang membezakan encik dengan komposer-komposer yang lain?
47. Adakah terdapat perkara yang paling encik tidak suka sepanjang encik menjadi seorang komposer?
48. Pada pendapat encik, apakah ciri-ciri yang menjadikan sesebuah lagu itu sebuah lagu yang boleh dikatakan berjaya?
49. Adakah encik pernah menghasilkan lagu dalam bahasa lain selain bahasa melayu?
50. Adakah encik mempunyai lagu ciptaan yang tidak pernah diterbitkan?
51. Pada pendapat encik apakah kelebihan dan kekurangan sebagai seorang komposer ?
52. Adakah encik mempunyai pembantu peribadi untuk menguruskan hal-hal seperti kontrak?
53. Bagaimana tercetusnya idea untuk hasilkan lagu raya nyanyian rahimah rahim yang rancak dan menjadi siulan hingga kini?
54. Bagaimanakah pengalaman encik bekerjasama dengan dato' siti nurhaliza?
55. Apakah lagu terbaik yang encik hasilkan dan apakah keistimewaan lagu tersebut berbanding dengan lagu encik yang lain?
56. Apakah anugerah yang diperolehi oleh encik sepanjang karier encik sebagai seorang komposer?
57. Diantara anugerah yang encik perolehi, anugerah yang manakah yang encik paling banggakan yang encik dapat?

Gambar 3: Soalan Temubual

# LAMPIRAN 4

58. Encik telah menyumbangkan banyak sumbangan kepada negara iaitu dengan menggubah dan menghasilkan lagu-lagu untuk pelbagai penyanyi yang terkenal di malaysia, pada pendapat encik, apakah sumbangan terbesar yang seorang komposer boleh sumbangkan kepada negara?
59. Apakah perubahan yang berlaku kepada keluarga encik disebabkan perkembangan karier encik?
60. Apakah cabaran yang dihadapi di awal penglibatan encik dalam bidang seni?
61. Pernahkah encik menghadapi tahun yang menyukarkan sebagai seorang penggiat seni?
62. Apakah umur menjadi penghalang untuk encik dari bergiat aktif menggubah lagu seperti dahulu dan adakah encik bercadang untuk bersara dalam masa terdekat?
63. Boleh encik kongsikan, apakah cabaran yang paling kerap terjadi kepada seseorang komposer?
64. Untuk mengekalkan momentum dalam industri bukan mudah, jadi apakah saranan encik bagi memastikan karier sentiasa stabil?
65. Adakah encik pernah merasa tercabar dengan komposer muda yang lebih mahir dalam penggunaan teknologi musik dan mengapa?
66. Adakah kekurangan masa akan menjejaskan kualiti sesebuah lagu dan mengapa?
67. Pernahkah muzik yang encik hasilkan ditolak oleh artis atau syarikat penerbitan dan mengapa?
68. Mengikut pandangan encik, apakah menjadi seorang komposer membataskan masa encik untuk melakukan pekerjaan yang lain dan mengapa?
69. Pernahkah encik pernah berhadapan dengan isu hak cipta dan pada tahun berapa ia berlaku?
70. Pernahkah encik ditipu atau tidak mendapat royalti sepanjang menceburi bidang seni dan mengapa?
71. Aadakah encik mempunyai harapan yang masih belum tercapai sebagai seorang komposer dan apakah harapan tersebut?

72. Dari sudut pandang seorang komposer, jika encik boleh mengubah sesuatu tentang industri muzik di negara ini, apakah yang encik akan ubah?
73. Apakah pesanan encik kepada golongan muda yang ingin menceburi dalam bidang penciptaan lagu?

Gambar 4: Soalan Temubual

# LAMPIRAN 5

**DIARI KAJIAN**

| Masa | Tarikh | Perkara | Tindakan |
|---|---|---|---|
| 10.00 pg | 17 Mei 2022 | Berhubung untuk pertama kali<br>Menghantar mesej kepada tokoh melalui aplikasi WhatsApp bertujuan untuk menanyakan jika tokoh boleh ataupun tidak untuk di temu bual. | Catatan awal mengenai tokoh dilakukan untuk memastikan tokoh memenuhi kriteria yang diperlukan |
| 4.00 ptg | 29 Mei 2022 | Berhubung untuk kali kedua<br>Menghantar mesej kepada tokoh melalui aplikasi WhatsApp bertujuan untuk memastikan tarikh dan masa untuk tokoh di temu bual. | Tarikh dan masa ditetapkan untuk membuat proses yang seterusnya iaitu pembuatan soalan untuk temu bual |
| 2.00 ptg | 24 Jun 2022 | Berhubung untuk kali ketiga<br>Menghantar surat-surat penting kepada tokoh melalui aplikasi WhatsApp. | Menghantar surat pengesahan projek, surat perjanjian projek sejarah lisan dan juga soalan yang akan di tanyakan semasa temu bual |
| 11.00 pg – 1.00 ptg | 25 Jun 2022 | Berhubung untuk kali keempat<br>Membuat perjumpaan bersama tokoh adalah bertujuan untuk menemu bual tokoh. Perjumpaan itu di buat secara atas talian melalui Google Meet. | Menghantar link Google Meet yang akan digunakan untuk menemu bual tokoh |

Gambar 5: Diari Kajian

# LAMPIRAN 6

www.uitm.edu.my

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

Cawangan Kelantan
Kampus Machang

Surat Kami : 100-CK(HEA 30/7/2)
Tarikh : 24 April 2022

**KEPADA SESIAPA YANG BERKENAAN**

Tuan/Puan

**PENGESAHAN PROJEK PELAJAR UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN KELANTAN**

| Bil | Nama | No. Pelajar |
|---|---|---|
| 1 | NUR HAYATUN SHAHIDA BINTI NORIZAN | 2021196639 |
| 2 | HIBATIN WAFIRAH BINTI CHE RAHIM | 2021393285 |

Adalah dimaklumkan bahawa penama di atas merupakan pelajar dari **IJAZAH SARJANA MUDA PENGURUSAN SISTEM MAKLUMAT (KEPUJIAN) (IM245)**, bahagian **(5)** yang ditugaskan untuk menyiapkan satu laporan projek yang berkaitan dengan mata pelajaran yang mereka ikuti **Oral Documentation (IMR604)**.

2. Pihak kami mengharapkan kerjasama dari pihak tuan/puan untuk menyumbangkan sebanyak mungkin maklumat yang diperlukan. Segala maklumat tersebut akan kami rahsiakan dan hanya untuk tujuan akademik sahaja. Penyediaan projek ini adalah wajib untuk melengkapkan kursus tersebut. Untuk maklumat lanjut, pihak tuan boleh menghubungi **NUR HAYATUN SHAHIDA BINTI NORIZAN.**

3. Pihak kami mengucapkan terima kasih di atas kerjasama dan maklumat diberikan.

**"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Sekian, terima kasih.

Yang benar

**RUSLINDA RAZAK**
Penolong Pendaftar Kanan
b/p TIMBALAN REKTOR HEA

Bahagian Hal Ehwal Akademik
Universiti Teknologi MARA Cawangan Kelantan
Bukit Ilmu, 18500 Machang, Kelantan
Tel: (+09)976 2000/2162/2266 Faks: (+09)976 2156
Email : trheakln@kelantan.uitm.edu.my

ISO 9001:2015 No. Sijil: 

UiTM

Gambar 6: Surat Pengesahan Projek

# LAMPIRAN 7

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
PERJANJIAN MENGENAI PROJEK SEJARAH LISAN

Saya ...............Fauzi Marzuki............... K/P: ............................ pada ..........................................dengan ini bersetuju dengan syarat-syarat temubual yang telah diadakan di antara saya dengan Universiti Teknologi MARA. Syarat-syarat tersebut adalah seperti berikut:

1. Rakaman hasil temubual ini adalah bertujuan untuk kegunaan pengajaran, penyelidikan dan penerbitan tanpa melibatkan bayaran/ tuntutan dari mana-mana pihak. Walaubagaimanapun bagi tujuan selain daripada yang tersebut, persetujuan daripada tokoh perlu diperolehi.
2. Rakaman hasil temubual yang tersebut di atas adalah diserahkan dan menjadi hak milik sepenuhnya Universiti Teknologi MARA untuk penyimpanan kekal dan boleh mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu bagi memelihara rakaman dan transkrip ini.
3. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA boleh membuat transkrip rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/tidak perlu disemak oleh tokoh (interviewee).
4. Rakaman dan transkrip ini akan dibuka kepada semua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negara yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah dengan syarat: -
   a. Apabila petikan diambil dari rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dll., sumbernya (tokoh) hendaklah diakui oleh penyelidik-penyelidik.

(Nama tokoh Fauzi Marzuki
Tarikh: 24 June, 2022

(Nama pensyarah: Nurulannisa Binti Abdullah)
b.p.Dekan
Fakulti Pengurusan Maklumat
Universiti Teknologi MARA

Gambar 7: Perjanjian Sejarah Lisan

LAMPIRAN 8




Gambar 8: Sesi Temubual Bersama Encik Fauzi Marzuki Melalui Google Meet

# INDEKS


**A**

Album, 9, 13, 15, 16, 17

**B**

Band, 5, 10, 11, 12, 13, 14, 15, 32, 40

**D**

Digital, 18, 19, 23, 32, 33, 41

Discovery, ii, 12, 14, 15, 40

**G**

Gubah, ii, v, 5, 9 13, 14, 15, 16, 19, 35

**H**

Hits, 20, 21, 22, 26, 29, 41

**J**

Jazz, 16

**M**

Muzik, ii, v, 4, 5, 7, 8, 9, 10, 11, 12, 13, 14, 15, 16, 17, 18, 19, 26, 35, 37

**P**

Pop, 14, 16, 27

**R**

Rock, 13, 16

**S**

Seni, v, 3, 5, 8, 9, 10, 11, 32, 36, 37